

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
Wahabunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Gouwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah
bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi
di Istana Nurul Iman.

Tempoh kutipan dilanjutkan

Siaran Akhbar : Kementerian
Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 April. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 ingin memaklumkan bahawa tempoh kutipan tabung adalah dengan ini dilanjutkan lagi selama tiga bulan sehingga 18 Julai 2024 bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk meneruskan aktiviti-aktiviti amal dan sumbangan derma kepada rakyat Palestin di Gaza.

Pelanjutan tempoh kutipan kali kedua ini juga mengambil kira situasi / pertempuran yang berlaku di Gaza semakin meningkat dan rakyat mengalami kebuluran dan malapetaka manusia. Ini bermakna bantuan kemanusiaan masih sangat diperlukan.

Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai platform bagi orang ramai untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan bagi membantu meringankan beban serta penderitaan yang dihadapi oleh rakyat Palestin di Gaza.

>> Muka 5

PENGLIBATAN SEMUA PIHAK CERMINKAN PENGUKUHAN JATI DIRI, SEMANGAT KEBANGSAAN



MESYUARAT Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 bagi Tahun 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Tingkat 6, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (Lihat muka 4).

Qiamullail Ramadan : Raih ganjaran pahala 10 malam terakhir

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

KIARONG, Jumaat, 5 April.- Bagi meraih ganjaran pahala berlipat ganda pada 10 malam terakhir bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah awal pagi tadi menganjurkan Qiamullail Ramadan bertempat di masjid berkenaan, di sini.

Hadir pada Qiamullail Ramadan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka

Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

>> Muka 5

Ekspo Let's Raya 2024 buka tirai

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 April. - Ekspo Let's Raya 2024 dengan tema 'Splendor Awaits' membuka tirainya hari ini dengan Majlis Perasmian yang berlangsung

di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Berangkat merasmikan acara tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakiah binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

>> Muka 3



Berita Utama



PERBADANAN TAIB semarakkan bulan Ramadan

Muka 8




71 terima agihan zakat wang tunai di Daerah Tutong

Muka 13



LAHIRKAN rasa prihatin terhadap golongan memerlukan

Muka 22



AWAS! Penipuan dalam talian kian canggih, guna AI

Muka 28



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap pada Majlis Penutup Program i-Usahawan Startup673 : Fasa 1 - MOH Edition yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan pada Sabtu, 30 Mac 2024.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini di Majlis Penutup Program i-Usahawan yang digelar Startup673 Fasa 1 - MOH Edition. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Cetus kreativiti melalui kemahiran keusahawanan

Wawasan Brunei 2035 membawa visi yang jelas untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berwawasan, berdaya saing dan berakhlak mulia. Salah satu elemen penting dalam mencapai wawasan ini adalah melalui pembangunan ekonomi yang kukuh dan berdaya tahan. Program i-Usahawan Startup673 Fasa 1 - MOH Edition yang julung kalinya diadakan ini, adalah salah satu usaha strategik kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan dalam menggerakkan ekosistem keusahawanan dan mewujudkan peluang ekonomi khususnya bagi pegawai-pegawai i-Ready.

Program i-Usahawan Startup673 Fasa 1 - MOH Edition ini adalah satu inisiatif bersama Kementerian Kesihatan dengan pihak Brunei Darussalam Enterprise (DARE), Shell LiveWIRE Brunei, Authority for Info-Communications Technology Industry (AITI) dan Brunei Innovation Lab untuk membangun kapasiti dan kemahiran pegawai-pegawai i-Ready yang mana ianya dihasratkan agar dapat merangsang inovasi serta mencetus kreativiti melalui kemahiran keusahawanan (*entrepreneurship*), yang dapat diguna pakai atau diceburi khususnya setelah menamatkan program i-Ready di Kementerian Kesihatan, sekali gus mendukung hasrat negara bagi mempelbagaikan dan menjana pertumbuhan ekonomi melalui bidang keusahawanan.

Program i-Usahawan Startup673 Fasa 1 - MOH Edition, yang telah diadakan selama 14 hari bermula 19 Februari hingga 8 Mac 2024 ini, tidak hanya diberikan latihan-latihan untuk memupuk bakat keusahawanan malahan juga telah didedahkan kepada cabaran-cabaran yang ada di Kementerian Kesihatan di mana mereka secara berkumpulan telah membincangkan dan mencadangkan idea-idea, inisiatif-inisiatif atau solusi bagi penambahbaikan proses / sistem dan perkhidmatan Kementerian ini seperti waktu menunggu P3 di Jabatan Kecemasan,

pengurusan pensijilan Basic Life Support (BLS), kos penyelenggaraan alat-alat, dan lain-lain. Alhamdulillah, idea-idea yang telah dikongsikan disambut baik oleh semua ketua-ketua jabatan yang menghadiri Sesi Pitching Day Program tersebut. Keseluruhan idea yang dicadangkan seperti UbatCepat (*vending machine*), aplikasi BNTracert, StoKu, Ringkas, sistem Senyum - Robotic Nursing Assistant, dan Medical Training Hub adalah sangat bernas, boleh dilaksanakan, praktikal, inovatif dan memperlihatkan kreativiti serta ketekunan pegawai-pegawai i-Ready untuk mencari penyelesaian terhadap cabaran-cabaran yang ada di Kementerian Kesihatan.

Sesungguhnya idea-idea tersebut mencerminkan semangat keusahawanan dan aspirasi untuk mencapai kecemerlangan dalam dunia perniagaan. Kebolehan pegawai-pegawai dalam memikirkan solusi-solusi yang kreatif dan relevan adalah bukti yang jelas bahawa masa depan keusahawanan adalah cerah. Saya juga difahamkan bahawa idea projek yang *viable* daripada program ini akan dipilih untuk menerima pembiayaan bagi dilaksanakan dan dikembangkan dengan bimbingan pihak-pihak yang tertentu. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta-peserta i-Usahawan Startup673 Fasa 1 - MOH Edition di atas pencapaian ini.

Saya berharap program seperti ini dapat dijadikan sebagai nilai tambah kemahiran untuk persediaan setelah menamatkan program i-Ready di Kementerian ini nanti. Pengetahuan yang diperoleh di Kementerian Kesihatan dan pengetahuan asas dalam bidang perniagaan diharap akan meningkatkan *marketability* dalam pencarian pekerjaan sama ada di pihak kerajaan, swasta atau sebagai persediaan bagi yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan di masa akan datang.

Pada masa ini, terdapat banyak peluang

perniagaan yang boleh dibuat oleh lepasan-lepasan i-Ready. Sebagai contoh, mereka yang berkemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi mungkin dapat memulakan perniagaan bagi menyediakan perkhidmatan pembangunan aplikasi, perisian atau penyelenggaraan rangkaian. Dengan pertumbuhan e-Dagang, mereka boleh memulakan perniagaan dalam talian seperti kedai atas talian, pasaran atas talian atau perkhidmatan penghantaran.

Di kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada semua pegawai-pegawai i-Ready yang akan tamat perkhidmatan untuk memberanikan diri untuk menceburi bidang perniagaan meskipun secara kecil-kecilan. Apa yang dapat kita lihat pada masa ini banyak peniaga yang kini berjaya bermula dari perniagaan yang kecil-kecilan terlebih dahulu. Contohnya, Jack Ma yang bermula dengan menjual barangan di rumahnya sebelum mendirikan Alibaba, Steve Jobs yang memulakan Apple Computer di garaj belakang rumahnya dan sebagainya.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pihak Brunei DARE, Shell LiveWIRE Brunei, AITI dan Brunei Innovation Lab atas kesudian untuk bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam menjayakan program ini. Tidak lupa juga diucapkan tahniah kepada semua peserta Program i-Usahawan Startup673 Fasa 1 - MOH Edition atas pencapaian yang telah diperolehi. Didoakan agar kesemua peserta akan mendapat kejayaan dalam apa jua pekerjaan yang bakal diceburi dan semoga semuanya dilakukan dengan niat dan cara yang betul agar ianya dinilai sebagai ibadah di sisi Allah Subhanahu Wata'ala jua, *Aamin Ya Rabbal Alamin*.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

WAKTU SEMBAHYANG										
April MASIHI	HARI	Ramadan HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6	SABTU	26	4.49	4.59	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28	7.38
7	AHAD	27	4.49	4.59	6.17	6.39	12.23	3.27	6.28	7.38
8	ISNIN	28	4.48	4.58	6.16	6.39	12.23	3.28	6.28	7.38
9	SELASA	29	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
10	RABU	1 Syawal	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.29	6.28	7.38
11	KHAMIS	2	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.28	7.37
12	JUMAAT	3	4.46	4.56	6.15	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
32 26 °C	32 26 °C	32 26 °C	
Pekan Bangar			
32 26 °C	31 26 °C	32 26 °C	
Pekan Tutong			
32 26 °C	31 26 °C	32 26 °C	
Kuala Belait			
32 26 °C	31 26 °C	32 26 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

6 APRIL 2024

Istiqamah dalam beribadah

TINGGAL hanya beberapa hari lagi bulan Ramadan akan berakhir dan kita akan menyambut kedatangan Syawal dan Hari Raya Aidilfitri. Akan tetapi, ini tidak bermakna segala amal ibadah atau perubahan yang dilakukan dalam bulan Ramadan kita hentikan, kita harus berusaha untuk meneruskannya dan cuba untuk tidak kembali melakukan perkara-perkara berdosa yang berjaya kita tinggalkan. Apa-apa kebaikan yang kita lakukan pada bulan Ramadan, kita harus cuba untuk membawanya secara berterusan. Sebagai contoh, jika pada bulan Ramadan kita berjaya untuk tidak meninggalkan solat fardu lima waktu atau setiap hari secara konsisten kita mengambil masa untuk membaca dan mempelajari Al-Quran, perkara-perkara seperti inilah yang kita harus terus perjuangkan dan perbaiki untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Jika kita boleh memelihara amal ibadah kita dan berusaha untuk meraih pahala sebanyak mana yang boleh pada bulan Ramadan, kita pasti akan dapat melakukan yang sama pada bulan-bulan seterusnya.

Untuk mengekalkan semangat agar kita konsisten dan boleh meneruskan ibadah dan kebaikan kita perlu faham dan menghayati kenapa kita beribadah sebenarnya dan untuk apa. Sebagai umat Islam, beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala ialah sebahagian besar daripada tanggungjawab kita sebagai orang Islam. Ibadah bukan dilakukan hanya sementara atau untuk waktu-waktu tertentu atau bulan-bulan tertentu sahaja. Juga penting untuk kita ingat ialah untuk tidak berputus asa dalam beribadah kerana merasakan amalan-amalan kita itu tidak sempurna ataupun tidak mencukupi. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Iman Al-Bukhari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Amalan yang paling dicintai oleh Allah Subhanahu Wata'ala adalah amalan yang berterusan walaupun jumlahnya sedikit".

Dalam kita berusaha untuk istiqamah dalam beribadah, apa yang perlu kita fahami juga ialah, untuk kita tetap melakukan ibadah yang wajib dan memastikan ibadah-ibadah yang wajib ini terlaksana dahulu sebelum kita menambah ibadah-ibadah yang sunat. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud yang bermaksud : "Amal ibadah yang pertama kali dihisab pada hari kiamat adalah sembahyang. Allah Subhanahu Wata'ala berkata kepada malaikat sedang Dia Maha Mengetahui tentangnya periksalah ibadah sembahyang hamba-hamba-Ku, apakah sempurna atau kurang. Jika sempurna, maka pahalanya ditulis dengan sempurna. Jika kurang, maka Allah memerintahkan malaikat, periksalah apakah hamba-Ku itu mengerjakan sembahyang-sembahyang sunat? Jika ia mengerjakannya, maka tutupilah kekurangan sembahyang wajibnya dengan sembahyang sunat. Begitu pulalah dengan amal-amal ibadah lainnya". - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتری دان دجيتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نكرا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

EKSPO LET'S RAYA 2024 BUKA TIRAI

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakiah binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien berangkat merasmikan acara Let's Raya 2024 (kiri).

tersebut, dan percaya bahawa persiapan saat-saat akhir akan lebih memeriahkan lagi sambutan Hari Raya dengan gemilang.

Let's Raya diinspirasi oleh trend pengguna pada masa ini dan menjadi hab yang dihiasi dengan suasana elegan dan berkualiti.

Selain itu, Let's Raya 2024 juga menawarkan pelbagai tawaran Raya istimewa, dari barangan elektronik hingga makanan dan

sebagainya, pelbagai tawaran yang dapat dinikmati dan dimanfaatkan oleh para pengunjung semasa musim perayaan ini.

Let's Raya 2024 akan diadakan selama empat hari, bermula dari pukul 10.00 pagi hingga 11.00 malam setiap hari, dan akan dihadiri oleh personaliti terkenal seperti Rizman Ruzaini, Hael Husaini, Bella Astillah, Puteri Sarah, Ika Nabella, dan lain-lain, yang menyertai acara sebagai penjual.

>> Muka 1

Let's Raya 2024 mengetengahkan pengalaman yang menakjubkan dan saat yang sempurna membawa kepada kebahagiaan yang tiada tandingannya.

Tema 'Splendor Awaits' meraikan kesabaran, ketabahan dan keindahan yang terbentuk apabila perancangan yang teliti menjadi kenyataan.

Para pengunjung digalakkan untuk menikmati pengalaman

ANTARA pengunjung yang menghadiri ekspo berkenaan (kiri dan atas kiri).



Memupuk semangat cintakan Al-Quran

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj semasa berangkat menghadiri Majlis Menjiwai Al-Quran sempena World Quran Hour (kiri). Manakala gambar atas dan bawah, suasana majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 April. - Bersempena dengan bulan Ramadhan yang mubarak ini, ruang dewan Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) hari ini disemarakkan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada qari-qari tempatan dan juga Tadabbur Al-Quran daripada Penceramah tempatan dan Luar Negara.

Berangkat pada Majlis Menjiwai Al-Quran sempena World Quran Hour ialah Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya bacaan Surah Al-Jumu'ah dan diikuti dengan Tadabbur surah berkenaan di mana tahun ini, Surah Al-Jumu'ah merupakan surah yang dijadikan pilihan untuk ditadabbur.

Dalam surah tersebut ada menyebutkan mengenai perintah Solat Jumaat dan juga adab-adab berkaitan dengannya.

Pada acara tersebut, Yang

Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim turut menyampaikan cenderahati kepada pembaca-pembaca Al-Quran dan Pentadabbur.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa dan selawat dan seterusnya berbuka puasa serta Solat Fardu Maghrib Berjemaah. Juga hadir ialah Penaung-penaung

Bersama MRSB Kampung Sungai Akar, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; pegawai-pegawai Masjid berkenaan dan juga jemaah serta penduduk Kampung Sungai Akar.

Aktiviti yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Takmir MRSB



PEJABAT KEBAWAH DYMM BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 April. - Pegawai dan kakitangan Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang tadi mengadakan Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Berangkat menyertai majlis tersebut ialah Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka



GRAND Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar berangkat menyertai Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja.

Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa dipimpin oleh Pegawai Agama di Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam, Awang Muhammad Syafie@Firdaus bin Tasad.

Juga hadir, Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Dato Paduka Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim;

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Timbalan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Dato Paduka Awang Haji Rosli bin Pehin Orang Kaya

Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Md. Salleh; serta pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Kebawah DYMM.

Penglibatan semua pihak cerminkan pengukuhan jati diri, semangat kebangsaan



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet pada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 bagi Tahun 2024. Turut berangkat ke mesyuarat tersebut ialah Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 April. - Penglibatan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini dalam memeriahkan lagi Sambutan-sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jelas mencerminkan rakyat dan penduduk di negara ini hidup bersama secara harmoni tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama.

Perkara tersebut dinyatakan

oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 bagi Tahun 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Tingkat 6, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, di sini.

Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri juga selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 bagi Tahun 2024, turut menyatakan mengenai penglibatan golongan generasi muda termasuk penuntut-penuntut sekolah yang merupakan lambang pengukuhan jati diri dan semangat kebangsaan yang menjadi teras kemajuan dan pembangunan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini dan juga masa akan datang.

Mesyuarat turut dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-78 bagi Tahun 2024.

Berangkat ke mesyuarat tersebut ialah Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin

Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.

Juga hadir ke mesyuarat ini ialah Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai daerah, pemangku pegawai-pegawai daerah, dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-78 bagi Tahun 2024.

Mesyuarat membincangkan laporan persediaan acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-78 bagi Tahun 2024.

Antaranya ialah Upacara Pengibaran dan Penurunan Bendera Besar NBD; Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran; Istiadat Barisan Kehormatan; Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan NBD, Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat di keempat-empat daerah; Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, dan Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara; Riadah Berbasikal Keputeraan 2024; dan Majlis Ilmu.

ACARA KEAGAMAAN RAIH GANJARAN RAMADAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran dan Tahlil Doa Arwah Sekampung serta diselajurkan dengan penyampaian derma anak-anak yatim (kanan dan atas).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

SUNGAI BESAR, Jumaat, 5 April. - Dalam meraih keberkatan pada bulan suci Ramadan yang mulia ini, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Tahlil Doa Arwah Sekampung berlangsung di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin.

Juga hadir, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan Ketua Kampung Sungai Besar, Serdang

dan Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Haji Awang Zaini bin Haji Awang Damit.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai oleh para peserta khatam, bacaan Takhtim dan Tahlil.

Majlis Khatam Al-Quran, Tahlil



dan Doa Arwah Sekampung diselajurkan dengan penyampaian derma anak-anak yatim dan makanan asasi kepada ibu-ibu tunggal dan golongan yang kurang berkemampuan serta penyampaian derma kilat kepada anak buah kampung yang mendapat musibah sewaktu mencari rezeki pada bulan Ramadan.

Seramai 15 orang anak-anak yatim dan seramai 15 orang

ibu tunggal dan golongan yang kurang berkemampuan menerima sumbangan derma hasil kutipan daripada jemaah dan penduduk Kampung Sungai Besar dan sekitarnya.

Majlis kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan dipimpin oleh imam masjid tersebut, Awang Muhammad Hazman bin Haji Mohd. Hairol Azme.

Qiamullail Ramadan : Raih ganjaran pahala 10 malam terakhir



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet hadir pada Qiamullail Ramadan (atas), manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Qiamullail Ramadan diisi dengan Sembahyang Sunat Tasbih

secara berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Suhaili bin Haji Metali

Al-Hafiz.

Ini diikuti dengan bacaan Wirid serta Doa Sembahyang Sunat Tasbih, dan diakhiri dengan bacaan Doa Munajat dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Awang Haji Haris bin Haji Suboh.

Qiamullail Ramadan mengalu-alukan orang ramai untuk hadir bersama-sama ke masjid bagi meningkatkan amal ibadah di sepertiga akhir malam bulan Ramadan.

Juga hadir, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan serta jemaah masjid.



Tempoh kutipan dilanjutkan

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

>> Muka 1

Setakat 3 April 2024, hasil kutipan tabung adalah sebanyak BND3,264,885.78 dan sejumlah BND1,399,545.00 telah digunakan bagi penghantaran bantuan kemanusiaan ke Palestin secara *air drop* dalam bentuk paket makanan yang siap sedia untuk dimakan. Oleh itu, baki tabung setakat 3 April 2024 adalah sebanyak BND1,865,340.78.

Jumlah kutipan terkumpul ini adalah hasil sumbangan daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam melalui SMS Brunei Prihatin; peti-peti tabung yang diletakkan di masjid, surau / balai ibadat, bangunan bank, gedung perniagaan dan bangunan awam dan kerajaan serta aktiviti-aktiviti amal.

Jawatankuasa Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penderma di negara ini atas keprihatinan dan sumbangan derma yang telah dihulurkan kepada tabung tersebut.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengadakan kutipan derma bagi tabung berkenaan hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu dari Jabatan Pembangunan Masyarakat selaku Urus Setia Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, jika hasil kutipan bersih (100 peratus) disumbangkan kepada tabung berkenaan.


Jika ada individu, persatuan dan agensi lain yang berdaftar ingin menderma sebahagian sahaja daripada hasil kutipan bersih yang diperoleh daripada mengadakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk hiburan awam, adalah disarankan untuk memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Selain itu, orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan juga boleh menderma secara talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), nombor akaun 00-001-01-0089051 (Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023) atau melalui perkhidmatan BIBD QuickPay dengan mengimbas Kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan pekat-pekat (*sticker*) Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Peti-peti tabung juga disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

Di samping itu, orang ramai juga boleh menghantar derma terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada waktu pejabat.

ROMBONGAN TADARUS KHEU LABUH TIRAI



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus Rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (atas dan kiri).

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

MERAGANG, Rabu, 3 April. - Bulan Ramadan adalah bulan keagungan, bulan di mana Allah Subhanahu Wata'ala melimpahkan rahmat dan pelbagai fadilat kepada umatnya yang khusyuk dan tawaduk serta yang benar-benar ingin meraih pahala berlipat ganda yang dijanjikan Allah.

Umat Islam disarankan untuk memperbanyakkan amalan pada 10 malam terakhir bulan Ramadan bagi meraih fadilat malam Lailatulqadar iaitu malam yang lebih

baik daripada seribu bulan.

Sehubungan itu, Majlis Tadarus Rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang telah diadakan di beberapa buah masjid di negara ini bersempena bulan Ramadan diteruskan lagi ke Masjid Az-Zakireen, Meragang, hari ini.

Ia bertujuan bagi meningkatkan lagi hubungan silaturahim, kesepakatan dan ukhuwah yang sedia terjalin dalam kalangan warga KHEU dengan

penduduk-penduduk kampung, masyarakat serta umat Islam di negara ini di mana Majlis Tadarus Rombongan KHEU berakhir di masjid berkenaan dengan Majlis Khatam Al-Quran.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat

majlis diikuti dengan Tadabbur Al-Quran disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Mohd. Azmi bin Haji Omar.

Acara diteruskan lagi dengan Khatam Al-Quran dan disusuli dengan bacaan Tahlil, Doa Khatam, Doa Arwah yang diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Awang Haji Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Kementerian Pertahanan semarakkan Sambutan Nuzul Al-Quran

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 April. - Dalam menyemarakkan semangat bulan Ramadan dan memperingati peristiwa agung turunnya Al-Quran sebagai mukjizat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran 1445H di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, yang menampilkan sebuah Ceramah Agama Khas.

Acara serupa juga diadakan di semua surau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah

Angkatan Bersama, peringkat kepimpinan dan pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Pertahanan.

Juga dijemput bagi memeriahkan acara ialah Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Ketua Bahagian Keanggotaan dan Perancangan Kerjaya, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Ketua Kampung Jaya Setia; Kampung Jaya Bakti; Kampung Burong Pingai Berakas. Wakil daripada Jabatan Penjara juga turut hadir pada acara tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan diteruskan dengan Ceramah Khas yang disampaikan oleh penceramah undangan, Penolong Profesor dari Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Ahmad Baha bin Haji Mokhtar, bertajuk 'Al-Quran Pedomanku', selaras dengan tema Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada tahun ini.

Antara pengajaran ceramah tersebut menekankan pentingnya



KEMENTERIAN Pertahanan semasa mengadakan Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran 1445H yang dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II (atas), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

mempelajari Al-Quran; bukan sekadar membaca atau menghafal Al-Quran, tetapi juga memahami maknanya dan menggunakannya sebagai petunjuk hidup bagi orang yang beriman dan bertakwa serta sebagai panduan untuk menjalani kehidupan dengan melaksanakan perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya.

Majlis tersebut merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Pertahanan dalam sama-sama memperingati peristiwa bersejarah berkenaan dengan turunnya ayat-ayat pertama kitab suci Al-Quran Al-Karim kepada Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam sebagai wahyu Allah Subhanahu Wata'ala.



Kenyataan mengenai Kereta Api Rentas Borneo (Trans-Borneo Railway)

■ Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 April. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Negara Brunei Darussalam ingin merujuk mengenai perkara Kereta Api Rentas Borneo (Trans-Borneo Railway) yang kuat dibincangkan baru-baru ini termasuk juga di negara-negara jiran melalui pelbagai platform media massa dan media sosial.

Dalam hubungan ini, MTIC ingin membuat kenyataan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak pernah menawarkan ataupun melantik sebarang syarikat tempatan mahupun dari luar negeri untuk mengendalikan projek berkenaan.

Pada masa yang sama, belum ada sebarang perbincangan rasmi di peringkat kerajaan mengenai perkara tersebut mahupun di antara negeri-negeri dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Bagi projek yang berskala sedemikian sudah setentunya memerlukan komitmen di peringkat kerajaan masing-masing terlebih dahulu.

Di kesempatan ini, MTIC juga ingin menyarankan akan pentingnya untuk berhati-hati di dalam membuat kesimpulan, perlu mengkaji dan mengesahkan setiap maklumat yang diterima.

Ini penting bagi mengelak salah faham dan mengekalkan kestabilan dan keharmonian masyarakat dan negara.

BACAAN YAA SIIN, TAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 April. - Seramai lebih 200 orang warga Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad petang tadi menghadiri Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri

Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Belimbing Subok, Pengiran Mohammad Akbar@Pengiran Mohammad Idrus bin Pengiran Haji Sabri.

Majlis bertahlil di Kubah Makam Diraja ini merupakan sebahagian daripada kegiatan keagamaan Perbadanan TAIB di bulan Ramadan.

Juga hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB, Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB serta pegawai-pegawai lelaki dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan.

Semarakkan Ramadan dengan bertadurus Al-Quran



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyerahkan sumbangan derma kepada salah seorang penerima (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

KULAPIS, Khamis, 4 April. - Dalam sama-sama menyemarakkan bulan Ramadan yang penuh berkat ini, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, jemaah dan penduduk Kampung Panchor Murai mengadakan Majlis Penutup Tadurus Al-Quran dan diselenggarakan dengan Penyerahan Derma Anak-anak Yatim bagi Kampung Panchor Murai 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Majlis yang diadakan pada setiap tahun itu berlangsung

di masjid kampung berkenaan, yang dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku tetamu kehormat majlis yang juga memimpin bacaan Surah Al-Fatihah.

Disusuli dengan Majlis Khatam secara beramai-ramai dan diikuti dengan Takhtim.

Kemudian Doa Khatam dibacakan oleh salah seorang belia masjid tersebut dan diteruskan dengan Dikir Marhaban beramai-ramai bagi menyerikan majlis.

Selepas itu, penyerahan sumbangan derma kepada 14 anak yatim di Kampung Panchor Murai yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan Berbuka Puasa di luar kawasan masjid tersebut dan seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.



**NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM**

NO PHONE

**Jangan Menggunakan
Telefon Bimbit Semasa
Memandu**

#YOUandME

**Keselamatan Jalan Raya bergantung
kepada ANDA dan SAYA**

Always Wear a seatbelt

No mobile phones while driving

Speeding is dangerous

Do not drive under influence

Wear helmet and proper attire while riding

Always watch out for other road users

Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB hadir pada Majlis Tadarus Al-Quran dan Penyerahan Sumbangan kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) (kanan dan atas).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Jumaat, 5 April.- Sempena memperingati bulan Ramadan, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd., Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan TAIB Filling Station Sendirian Berhad petang tadi mengadakan Majlis Tadarus Al-Quran dan Penyerahan Sumbangan kepada Dana Pengiran



SUMBANGAN tersebut disempurnakan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Timbalan Pengerusi Perbadanan TAIB dan diterima oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA

Perbadanan TAIB semarakkan bulan Ramadan



Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) yang berlangsung di Masjid Kampung Penabai, Tutong, di sini.

Hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Syuwari bin Ilham dan Tadarus Al-Quran yang dipimpin oleh Bilal Masjid Kampung Penabai, Awang Mohamad Danial Syazwi bin Awang Nawi.

Acara diteruskan dengan penyerahan sumbangan kepada 13 anak yatim dalam kalangan keluarga warga kerja Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya dan 16 anak yatim dari kawasan Kampung Penabai yang disempurnakan oleh

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Seterusnya ialah penyampaian sumbangan derma kepada DANA sebanyak BND100,000 dari Perbadanan TAIB dan BND10,000 masing-masing disumbangkan oleh Insurans Islam TAIB Family Takaful Sdn. Bhd., Insurans Islam TAIB General Takaful Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Sumbangan tersebut disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Timbalan Pengerusi Perbadanan TAIB dan diterima oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

Majlis berkenaan merupakan

salah satu aktiviti keagamaan tahunan yang diadakan oleh pihak Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya dalam sama-sama menyemarakkan lagi bulan suci Ramadhan dan juga untuk mengeratkan hubungan di antara pegawai-pegawai dan kakitangan serta penduduk kampung sekitarnya.

Juga hadir, Penolong Mufti (Ifta), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB; serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, tetamu jemputan, Penghulu Mukim Pekan Tutong, Ketua Kampung Penabai dan Kampung Sengkarai, pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya serta penduduk kampung sekitarnya.

MENERUSKAN TADARUS AL-QURAN DI SURAU HOSPITAL SURI SERI BEGAWAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertadarus Al-Quran (Bacaan Juzuk 21) dan penyampaian derma kepada anak-anak yatim sempena bulan Ramadan (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Rabu, 3 April.- Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Bertadarus Al-Quran (Bacaan Juzuk 21) dan penyampaian derma kepada anak-anak yatim sempena bulan Ramadan pada tahun ini. Majlis tersebut diadakan di Surau Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat dan seterusnya Majlis Bertadarus dan diselajurkan dengan bacaan Tahil serta Doa Arwah bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad

Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan juga bagi pegawai serta kakitangan hospital yang telah kembali ke rahmatullah.

Majlis diteruskan dengan penyampaian derma kepada 11 orang anak yatim yang terdiri daripada warga kakitangan Hospital Suri Seri Begawan dan Pusat Kesihatan bagi Daerah Belait.

Majlis Bertadarus Al-Quran ini merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan yang diadakan secara bergilir di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menyemarakkan lagi bulan

Ramadan yang penuh rahmat ini di samping dapat mengeratkan lagi perhubungan silaturahim di antara warga Kementerian Kesihatan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail, ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



KHATAM AL-QURAN, PENYAMPAIAN DERMA SEMARAK RAMADAN

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran. Hadir sama ialah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Penaung I Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas (kanan dan bawah kanan).

KILANAS, Jumaat, 5 April. - Majlis Bertadurus setiap malam pada bulan Ramadan 1445 Hijrah Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas sampai ke kemuncaknya dengan Majlis Khatam Al-Quran yang juga diselajarkan dengan penyampaian derma anak-anak yatim khas untuk Kampung Kilanas.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Masjid Kampung Kilanas itu ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Hadir sama ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Penaung I Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dikepalai oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan diteruskan dengan Majlis Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Kilanas, Awang Muhd. Fahmie bin Haji Awang



Metussin. Majlis diteruskan dengan bacaan Tahlil, Doa Khatam dan Doa Tahlil yang dipimpin oleh Bilal, Awang Haji Mohammad Amir Mu'min bin Haji Noor Hisham.

Acara diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada peserta-peserta Khatam Al-Quran bagi wakil-wakil bahagian dan penyampaian derma anak-anak yatim bagi Kampung Kilanas yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sumbangan derma berupa wang tunai tersebut merupakan hasil daripada Tabung Derma Khas Anak-anak Yatim bagi Kampung Kilanas dari Masjid Kampung Kilanas dan sumbangan penduduk-penduduk Kampung Kilanas, bertujuan untuk memberi bantuan kepada anak-anak yatim bagi membantu untuk meringankan perbelanjaan mereka bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Mohd. Redzuan bin Haji Marzuki manakala bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Muhd. Fahmie. Majlis diakhiri dengan berbuka puasa dan seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Turut hadir pada majlis ini adalah Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas dan para jemputan khas, anak-anak yatim dan penjaga mereka serta jemaah masjid, penduduk-penduduk Kampung Kilanas dan sekitarnya.

Acara ini adalah merupakan aktiviti tahunan anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, yang dihasrat untuk memberi peluang

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

bagi Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir, jemaah-jemaah masjid serta penduduk-penduduk Kampung Kilanas dan sekitarnya untuk sama-sama mendekatkan diri dengan Al-Quran serta membaca Al-Quran secara berkumpulan di mana pada tahun ini ia terbahagi kepada lima bahagian iaitu dewasa lelaki dengan warga emas, dewasa lelaki

dan belia, dewasa wanita, belia masjid dan beliawanis masjid.

Melalui aktiviti ini secara tidak secara langsung ia dapat mengeratkan serta memupuk hubungan silaturahmi dan persaudaraan dalam kalangan peserta dalam pembacaan Al-Quran setiap malam pada bulan Ramadan Al-Mubarak.



KSSUP semarak kemuliaan Ramadan



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

KILANAS, Rabu, 3 April. - Penghujung Ramadan terus disemarakkan dengan majlis-majlis keagamaan bagi meraih ganjaran pahala yang berlipat ganda yang dijanjikan sebagai kemuliaan bulan ini.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Bulan

Ramadan 1445H bertempat di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Bebatik Kilanas yang dikendalikan bersama oleh Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perikanan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji

Metussin.

Turut hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Dahlia binti Haji Aliakbar dan Timbalan Setiausaha Tetap I KSSUP, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan penyerahan sumbangan wakaf berupa sebuah peti sejuk beku



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran dan menyerahkan sumbangan wakaf berupa sebuah peti sejuk beku (kiri dan atas).

(chest freezer) berkapasiti 150 liter bagi kegunaan masjid berkenaan, disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada Imam Tingkat II, Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin, selaku Imam Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Bebatik Kilanas.

Majlis diteruskan dengan Tadarus Al-Quran secara beramai-ramai serta diakhiri dengan bacaan Doa Khatam yang dipimpin oleh Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin.

Majlis kemudian disusuli dengan berbuka puasa dan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis Khatam Al-Quran ini adalah merupakan aktiviti KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya yang diadakan pada setiap tahun pada bulan Ramadan bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang Mubarak di samping mendapatkan ganjaran pahala serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Takaful Brunei adakan Majlis Khatam, penyampaian kutipan zakat

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran, Tahlil dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Turut hadir bagi sama-sama menyaksikan penyerahan zakat tersebut ialah Timbalan Ketua Pegawai Operasi TBK, Awang Haji Mohammed Maszaiwardy bin Haji Masri. Juga hadir ialah ahli-ahli lembaga pengarah, badan penasihat syariah serta pegawai dan kakitangan Takaful Brunei.

TBK telah dilantik sebagai amil untuk mengutip dan mengira zakat bagi pihak pelanggan mereka oleh MUIB sejak September 2019. Kutipan zakat akan dibuat setiap tahun untuk semua peserta TBK beragama Islam yang ingin membayar zakat melalui Sijil Perlindungan dan Simpanan mereka setelah mencapai haul dan nisab.

Produk-produk Perlindungan dan Simpanan TBK juga termasuk Takaful Nur Savings, Takaful Education, Takaful Retirement, Takaful Walimatul Urus, Takaful

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 April. - Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. (Takaful Brunei) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Tahlil dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen, Jalan Perdana Menteri, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Setelah Majlis Khatam Al-Quran dan Tahlil diadakan, majlis diteruskan dengan Majlis Penyampaian Derma Takaful Brunei untuk Anak-anak Yatim, Majlis Penyampaian

Zakat Simpanan Peserta Takaful Brunei Keluarga Sdn. Bhd. (TBK), Majlis Penyampaian Derma bagi Pengguna Takaful Brunei Mobile dan Majlis Penyampaian Wakaf Masjid untuk Masjid Ash-Shaliheen diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

TBK di bawah Syarikat Takaful Brunei telah berjaya mengutip zakat berjumlah BND11,147.56 bagi pihak pelanggan-pelanggan perlindungan dan simpanan mereka. Kutipan zakat tersebut diserahkan kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) oleh tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Dream House, Takaful Savings, Takaful Haji dan Umrah serta Takaful Tarbiyah.

Majlis pada petang tersebut juga menyaksikan penyerahan Derma Takaful Amal Jariah TBK oleh pengguna-pengguna aplikasi mudah alih Takaful Brunei kepada wakil-wakil dari pelbagai institusi dan organisasi termasuk MUIB, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA), Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Pusat Kanak-kanak Cacat (KACA) Negara Brunei Darussalam, SMARTER Brunei, Yayasan Kanak-kanak Kanser (YASKA), Learning Ladder Society (LLS) dan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid

Negara Brunei Darussalam.

Takaful Amal Jariah TBK membenarkan individu membuat sumbangan kewangan kepada institusi pilihan ataupun kumpulan golongan kurang bernasib baik melalui pilihan mereka sendiri dengan pelan perlindungan dan simpanan yang sistematik.

Pengguna Aplikasi Mudah Alih Takaful Brunei telah menyertai Kempen Double Derma di mana Takaful Brunei menggandakan jumlah mata yang didermakan pengguna. Sebagai sebahagian daripada ciri Takaful Brunei Mobile, pengguna boleh terus mendermakan Mata Takaful mereka kepada mana-mana badan amal atau organisasi pilihan.



MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA 65 TAHUN PENUBUHAN BSM



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Ahli Lembaga Pengarah BSM hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran dan menyampaikan sumbangan kepada para penerima (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Khamis, 4 April. - Sempena memperingati Ulang Tahun Penubuhannya Ke-65 Tahun, Brunei Shell Marketing Company Sdn. Bhd. (BSM) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, Jalan Perdana, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri di Jabatan

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Ahli Lembaga Pengarah BSM.

Juga hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah BSM, pihak pengurusan dan kakitangan BSM termasuk mantan-mantan Pengurus Besar

dan kakitangan BSM serta rakan kongsi BSM.

Acara dimulakan dengan sembahyang Fardu Asar berjemaah, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Majlis juga menyaksikan penyampaian sumbangan kepada seramai 65 orang anak yatim yang berdaftar di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, iaitu sebagai salah satu inisiatif tanggungjawab sosial BSM dalam membantu meringankan beban keperluan mereka terutamanya pada bulan Ramadan ini.

Pada masa yang sama, para jemputan juga menerima sumbangan (*goodies*) berupa buku Yaa Siin dan Tahlil, sejadah dan juga pek sungkai.

Antara lain, majlis berkenaan adalah sebagai menzahirkan rasa kesyukuran terhadap perkembangan dan pencapaian BSM sepanjang 65 tahun, dan pada masa yang sama mencerminkan kepentingan belas mencerminkan kemurahan hati dalam urusan peribadi mahupun profesional.



Majlis Khatam Al-Quran anjuran RB imarahkan Ramadan



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pengerusi RB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan (kiri dan kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TEMBURONG, Khamis, 4 April. - Bersempena bulan suci Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi, Royal Brunei Airlines (RB) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran anjuran

Jawatankuasa Kebajikan dan Keagamaan RB di Surau Kampung Piasau-Piasau, Mukim Labu.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji

Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pengerusi RB.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos selaku

Timbalan Pengerusi RB; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir yang juga selaku Ketua Kampung Labu; Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid; kakitangan dan pengurusan RB;

jemaah Surau serta penduduk Kampung Piasau-Piasau.

Majlis Khatam Al-Quran tersebut dipimpin oleh Pemangku Imam Surau Kampung Piasau-Piasau, Haji Mohd. Zin bin Haji Kulla.

Seramai 38 kakitangan RB menyertai dan menamatkan program Khatam Al-Quran pada tahun ini.

Majlis turut diselenggarakan dengan penyerahan wakaf dari RB Welfare Fund dan kakitangan RB oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Ketua Pegawai Eksekutif RB kepada Pemangku Imam Surau Kampung Piasau-Piasau.

Wakaf tersebut berupa tiga unit televisyen bersaiz 43 inci, serta manakala seunit televisyen bersaiz 65 inci; 120 unit kerusi dan 15 unit rehal untuk dimanfaatkan dan digunakan di surau berkenaan.

Surau Kampung Piasau-Piasau dipilih dengan tujuan untuk mendekati masyarakat di kawasan pedalaman dan memberikan sokongan dalam menguruskan beberapa fasiliti surau tersebut bagi mengekalkan fungsinya secara berkesan dan efisien.

RAIH KEBERKATAN DENGAN MEMBACA AL-QURAN



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Azmi Awang Abdul Hamid

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Majlis Penutup Tadarus dan Khatam Al-Quran (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

BERAKAS, Khamis, 4 April. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Jabatan-Jabatan serta Agensi-Agensi Pihak Berkuasa di bawahnya lewat tengah hari tadi mengadakan Majlis Penutup Tadarus dan Khatam Al-Quran bertempat di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei

(LTAB), di sini.

Majlis tahun ini diselenggarakan oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI).

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato

Paduka Haji Mustapha.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan menunaikan Solat Fardu Zuhur Berjemaah dan kemudian diteruskan dengan penutup tadarus dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan Takhtim yang dipimpin oleh Imam Surau LTAB,

Awang Haji Mohammad Ashraf bin Haji Bujang.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil penyertaan bengkel yang disampaikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi kepada peserta-peserta bengkel yang dianjurkan oleh Surau LTAB di sepanjang bulan Ramadan tahun ini.

Majlis Penutup Tadarus dan Khatam Al-Quran ini merupakan acara keagamaan yang diadakan setiap tahun, bertujuan bagi mengambil kesempatan meraih ganjaran pahala berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala dalam menyemarakkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; dan Ir. Awang Haji Jailani bin Haji Buntar, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSQR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

IMPAK PROFIL PSQR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- Permohonan tidak akan diproses.
- Maklumat yang dihidangkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSQR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

TIDAK DIPROSES

BARU

KKBS MEMBACA YAA SIIN, TAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku Ketua Rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja.

Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir selaku Ketua Rombongan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pemantau Zon 2, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muhammad Azrol Alim bin Haji Zaini.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Kanan daripada KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Daudin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 April. - Seramai lebih kurang 250 warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

(KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi menghadiri Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, di sini.

Majlis yang diselenggarakan oleh KKBS melalui Pusat Sejarah Brunei berkenaan adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan

Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Penyerahan derma Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 April. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad telah menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 daripada Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu pagi tadi di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Sumbangan berjumlah

BND4,180 disampaikan oleh Pengiran Datin Hajah Salwana binti Pengiran Haji Ibrahim selaku wakil Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu. Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan daripada ahli-ahli kumpulan.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh; pegawai-pegawai

daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) serta ahli-ahli daripada agensi berkenaan.

Tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah dilanjutkan sehingga 18 April 2024 bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk meneruskan aktiviti-aktiviti amal dan sumbangan derma kepada rakyat Palestin di Gaza.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengadakan kutipan derma bagi tabung berkenaan hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada JAPEM selaku Urus Setia Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 daripada Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri dan atas).

Palestin di Gaza 2023, jika hasil kutipan bersih (100 peratus) disumbangkan kepada tabung berkenaan.

Jika ada individu, persatuan dan agensi lain yang berdaftar ingin menderma sebahagian sahaja dari hasil kutipan bersih yang diperolehi dari mengadakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk hiburan awam, adalah disarankan untuk memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Selain itu, orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan juga boleh menderma secara dalam talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), nombor akaun 00-001-01-0089051 (Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023) atau melalui perkhidmatan

BIBD QuickPay dengan mengimbas Kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan pelekat-pelekat (*sticker*) Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Peti-peti tabung juga disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

Di samping itu, orang ramai juga boleh menghantar derma terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, JAPEM, bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat.

71 TERIMA AGIHAN ZAKAT WANG TUNAI DI DAERAH TUTONG

TUTONG, Jumaat, 5 April. - Sejumlah BND2,371,970 telah diperuntukkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bagi agihan zakat wang tunai kepada asnaf fakir miskin dan muafak menjelang Hari Raya Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Peruntukan adalah diambil daripada hasil Kutipan Zakat Fitrah dan Zakat Harta yang dibayar oleh para muzakki (pembayar zakat) di negara ini sepanjang Tahun 1444H / 2023M yang keseluruhannya adalah berjumlah sebanyak BND18,921,282.93.

Daripada jumlah tersebut sejumlah BND845,520 akan diagihkan kepada seramai 8,767 orang asnaf fakir miskin terdiri daripada 1,883 ketua keluarga dan 6,884 orang tanggungan. Manakala sejumlah BND1,526,450 akan diagihkan kepada seramai 3,077 orang asnaf muafak terdiri daripada 2,682 ketua keluarga dan 395 orang tanggungan.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Agihan Zakat Wang Tunai kepada asnaf fakir miskin dan muafak dengan diselenggarakan dengan Majlis Iftar telah diadakan di Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Daerah Tutong lewat petang, hari ini.

Penyerahan agihan zakat wang tunai tersebut telah disempurnakan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Dipertua MUIB yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis bersama isteri, Datin Hajah



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Agihan Zakat Wang Tunai kepada asnaf fakir miskin dan muafak serta seterusnya menyempurnakan penyampaian agihan zakat wang tunai kepada para penerima (kiri dan kanan).

Norazimah binti Haji Ramlee.

Agihan zakat wang tunai kepada asnaf fakir miskin dan muafak menjelang Hari Raya Tahun 1445H / 2024M akan dikreditkan ke akaun-akaun bank penerima sebelum menjelangnya Hari Raya Aidilfitri 1445H / 2024M nanti. Skim Agihan Zakat ini adalah bertujuan bagi membantu meringankan perbelanjaan dan persiapan asnaf fakir miskin dan muafak bagi menyambut Hari Raya Tahun 1445H / 2024M nanti.

Sejumlah BND26,860 agihan zakat wang tunai telah diserahkan

kepada 71 orang penerima yang terdiri daripada 47 orang asnaf fakir miskin dan 24 orang asnaf muafak dari Daerah Tutong.

Turut hadir dan menyaksikan majlis penyerahan tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Hardifardhillah bin Mohd. Salleh; Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu dan Pemangku Pengarah Urusan



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama

Zakat, Waqaf dan Baitulmal, KHEU, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Di dalam menunaikan kewajipan ibadah berpuasa pada minggu terakhir bulan Ramadan 1445H ini, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal sukacita menyeru dan mengingatkan kepada semua umat Islam di negara ini untuk menunaikan kewajipan membayar Zakat Fitrah kepada amil-amil bertauliah yang telah dilantik

mengikut kawasan-kawasan seluruh negara sebelum terluput waktu membayar Zakat Fitrah.

Bayaran Zakat Fitrah juga boleh dibayar secara dalam talian (*online*) menggunakan platform perbankan di Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan juga melalui aplikasi syarikat telekomunikasi Datastream Digital (DST) dan Imagine Sdn. Bhd. di sepanjang bulan Ramadan 1445H.

PPDB pupuk budaya membaca Al-Quran

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Khamis, 4 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui kelolaan Badan Ugama Islam (BUI) PPDB terus giat mengadakan beberapa majlis keagamaan di minggu-minggu terakhir di Bulan Ramadan bagi tahun 1445 Hijrah.

Antaranya adalah Majlis Ceramah Agama sempena Nuzul Al-Quran di bulan Ramadan. Majlis tersebut adalah untuk memperingati peristiwa agung Nuzul Al-Quran iaitu peristiwa turunnya ayat Al-Quran yang pertama sebagai wahyu Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis diadakan di Surau Polis Gadong, PPDB pada 30 Mac lalu. Seterusnya pada 4 April 2024, Majlis Khatam Al-Quran PPDB juga telah

diadakan di tempat yang sama. Seramai 47 peserta lelaki dan 17 peserta wanita terdiri daripada anggota PPDB dan jemaah surau Polis.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis-majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Juga hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan juga para-para Pengarah, Timbalan Pengarah, Pegawai-pegawai Pemerintah Daerah Polis, Ketua-ketua Formasi, pegawai-pegawai serta warga kakitangan awam dan anggota PPDB.

Majlis-majlis tersebut antara lain bertujuan untuk menekankan tentang keistimewaan Al-Quran dan

meraih syafaat Al-Quran dengan membanyakkan pembacaan Al-Quran.

PESURUHJAYA Polis, PPDB hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (kanan). Manakala gambar bawah kiri, sekitar majlis tersebut.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Jangan Pandang Ringan Kesehatan Mental'. Tarikh Tutup : 10 April 2024
2. 'Membangun Masyarakat Bebas Rasuah'. Tarikh Tutup : 17 April 2024
3. 'Mewujudkan Persekitaran Inklusif Untuk Autisme'. Tarikh Tutup : 24 April 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

RAIH GANJARAN PAHALA BERLIPAT GANDA DI BULAN RAMADAN



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Kelas Bimbingan Muslimah Seluruh Negara di Masjid Kampung Penanjong (atas), manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

TUTONG, Rabu, 3 April. - Sempena bulan Ramadan yang mubarak ini, acara keagamaan di Negara Brunei Darussalam terus rancak dijalankan bagi menghidupkan lagi suasana kemeriahan di bulan Ramadan antaranya, Majlis Bertadarus Al-Quran.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Penanjong,

pagi tadi mengunyahkan Majlis Khatam Al-Quran bagi Kelas Bimbingan Muslimah Seluruh Negara bertempat di Masjid Kampung Penanjong, di sini.

Hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah,

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

diikuti dengan bacaan surah-surah lazim yang diketuai oleh Muslimah Masjid Kampung Tanah Jambu, Dayangku Sakinah Adawiyah binti Pengiran Haji Ainolazhar.

Acara diteruskan lagi dengan bacaan Doa Khatam yang dikepalai oleh Tenaga Pembimbing Masjid RPN Bukit Beruang, Dayang Siti Nur Atiqah Binti Haji Ismail dan bacaan Takhtim / Dikir yang diketuai oleh Tenaga Pembimbing Masjid Kampung Danau, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Yusof.

Manakala, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dibacakan oleh Tenaga Pembimbing Masjid Perdana Wangsa, Dr. Zati Hanani binti Dato Seri Setia Haji Rajid.

Antara tujuan acara ini diadakan adalah untuk meningkatkan lagi amal ibadat bersempena bulan Ramadan terutama sekali melalui pembacaan Al-Quran untuk meraih ganjaran pahala berlipat ganda dan kebaikan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping mendorong para Muslimah untuk mengamalkan bacaan Al-Quran sehingga khatam, ia juga dihasrat untuk mengeratkan lagi silaturahmi kalangan Muslimah masjid seluruh negara.



Majlis Khatam Al-Quran raikan 50 peserta



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertadarus sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1445H / 2024M di Surau Kampung Piasau-Piasau, Mukim Labu dan menyampaikan sumbangan kepada penerima (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Surau Kampung Piasau-Piasau

TEMBURONG, Rabu, 3 April. - Seramai 50 peserta yang menyertai Majlis Bertadarus sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1445H / 2024M di Surau Kampung Piasau-Piasau, Mukim Labu di sini diraikan dengan Majlis Khatam Al-Quran.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di surau berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir yang juga selaku

Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

Pada majlis yang dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Surau Kampung Piasau-Piasau ini, bacaan khatam dikepalai oleh Pemangku Imam Surau Kampung Piasau-Piasau, Awang Haji Mohd Zin bin Haji Kulla, manakala bacaan Takhtim dipimpin oleh Awang Abdul Rahim bin Haji Abdul Karim yang juga membacakan Doa Khatam Al-Quran.

Majlis juga diselajarkan dengan penyampaian sumbangan kepada tiga orang penerima, diserahkan oleh Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman.

Umat Islam sememangnya digalakkan untuk melazimkan diri membaca dan mempelajari Al-Quran lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan ini yang mana setiap amalan akan menerima ganjaran yang berlipat ganda.



سوروهنجاي فخر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TIPS MEMUAT NAIK

PENTING: Pastikan menggunakan pelayar seperti Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari

#1
Format fail yang betul

PDF: Kad Pengenal, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen

JPG / PNG: Gambar Berukuran Passport (Gambar Profil)

#2
Saiz fail tidak melebihi 3MB

#3
Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna

#4
Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)



KHATAM AL-QURAN, PENYAMPAIAN DERMA TERUS RAIH KEBERKATAN RAMADAN



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Ukong hadir pada Majlis Khatam Al-Quran dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada para penerima (kanan dan atas).



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Jumaat, 5 April. — Majlis Khatam Al-Quran menandakan tamatnya pembacaan 30 Juzuk bersempena meraih ganjaran yang berlipat ganda pada bulan

Ramadan ini. Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Telisai dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Telisai mengukayahkan majlis berkenaan yang berlangsung di masjid tersebut pada lewat petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub selaku Penghulu Mukim Ukong yang juga seterusnya memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan majlis berkenaan.

Majlis Khatam Al-Quran 1445 Hijrah diteruskan dengan bacaan Surah Ad-Dhuha beramai-ramai yang dipimpin oleh Bilal masjid tersebut, Awang Hazwan Hamizan bin Haminnuddin dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat lazim.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Takhtim beramai-ramai dan disusuli dengan Tahlil dan Doa Arwah beramai-ramai. Pada majlis itu, bacaan doa dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Telisai, Awang Saipol bin Ismail.

Sejurus itu, penyampaian sumbangan derma kepada 12 anak yatim dan 30 orang asnaf golongan yang kurang berkemampuan



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

dari Kampung Telisai juga disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Majlis diakhiri dengan berbuka puasa (sungkai)

bagi para jemaah dan hadirin yang hadir dan seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah.

سوروهنجاي فر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM
MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapi Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapi Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Salin, transkrip dan pengiktirafan Maja Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan)
6. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapi Maklumat (nama / peperiksaan / peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersetujui dalam skim iklan)

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

Bagi Talian Whatsapp: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam | Bagi media sosial: PSC.BN

Golongan asnaf, anak yatim terima sumbangan



3 Apr 2024 16:12

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 April. - Sedekah merupakan antara amalan yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala lebih-lebih lagi melakukannya pada bulan Ramadan demi untuk meraih keberkatan serta pahala yang tidak terkira nilai ganjarannya.

Justeru, seramai 56 keluarga yang

terdiri daripada golongan asnaf dan 38 anak yatim dari Kampung Setia 'A' dan 'B' serta Kampung Lupak Luas disantuni hari ini pada majlis yang berlangsung di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia, di sini.

Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh Ahli

Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof berserta kaum keluarga yang lain.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan juga menyampaikan sumbangan wakaf



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir pada Majlis Tahlil dan diselajarkan dengan penyampaian sumbangan kepada para penerima (kiri dan atas).

bagi kegunaan masjid berkenaan yang diterima oleh Ketua Imam masjid, Awang Haji Hassan bin Haji Lusin.

Terdahulu, acara diimarahkan dengan Majlis Tahlil diikuti doa yang dipimpin oleh Ketua Imam masjid berkenaan. Majlis Tahlil tersebut adalah juga bagi Allahyarham Perdana Wangsa bin Haji Muhammad dan Allahyarhamah

Dayang Hajah Maimunah binti Awang Damit serta kaum keluarga lain yang telah kembali ke rahmatullah.

Adapun keutamaan sedekah pada bulan mulia ini antaranya dengan bersedekah harta menjadi berkah di samping dapat menghapus dosa serta mencegah perbuatan maksiat dan mendapat pahala berlipat ganda.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي نَخْلُ بِهَ الْعُقْدُ، وَتَنْفِرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cururan air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cururan rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوهُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوهُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يغ مباوا كبراونتوغن ساعت بسر كقد قععملن (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



Bulan Ramadan bulan tarbiah

sembahyang-sembahyang sunat yang lain. Kesemuanya dilaksanakan dalam menyahut dan menjunjung seruan serta perintah Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah, ayat 183 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa".

Sesungguhnya takwa merupakan tujuan yang menjadi ukuran sama ada ibadah puasa kita berhasil atau tidak. Bagaimana pula dengan iman kita di sepanjang bulan Ramadan ini? Semoga kita tidak tergolong di kalangan orang yang digambarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui hadis Baginda yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu.

Maksudnya : "Berapa ramai orang yang berpuasa tidak mendapatkan pahalanya selain lapar dan berapa ramai orang yang sembahyang malam tidak mendapatkan pahala selain berjaga sepanjang malam". (Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah)

Bulan Ramadan sebagai bulan tarbiah telah mengajarkan kita sifat ketekunan dan ketelitian dalam beribadah sama ada secara zahir atau batin. Puasa yang dijalani hakikatnya bukan hanya sekadar menahan lapar dan dahaga, akan tetapi puasa itu juga menahan hati dari sifat-sifat buruk dan anggota badan dari perbuatan maksiat dan dosa.

Bulan Ramadan telah mengajarkan kita sifat-sifat kehambaan yang terpuji seperti tawaduk, khusyuk dan ikhlas, beramal ibadah hanya dengan keimanan dan mengharapkan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala, bukan dengan tujuan yang lain seperti riak atau seumpamanya.

Ramadan juga mengajar kita menantikan waktu untuk beribadah di mana waktu Subuh dan Maghrib menjadi penanda bagi permulaan dan penyudah kepada ibadah puasa. Setiap orang akan peka dengan waktu sahur dan waktu berbuka. Tabiat menanti dan bersedia untuk ibadah seperti ini seharusnya dipraktikkan dalam pelaksanaan setiap pekerjaan harian kita. Mudah-mudahan kita akan lebih komited dan peka dengan setiap kerja-kerja yang kita lakukan.

Dengan berlalunya Ramadan dalam beberapa hari sahaja lagi, marilah sama-sama kita berazam untuk meneruskan beramal ibadah di bulan-bulan lain sebagaimana kita beribadah di bulan Ramadan, dengan memperkemas ibadah yang wajib dan memperbanyakkan ibadah yang sunat. Di bulan Syawal yang bakal menjelang ini, kita teruskan melakukan ibadah sunat dengan melakukan Puasa Enam di mana pahalanya menyamai dengan puasa sepanjang tahun. Puasa Enam ini boleh dilakukan secara berturut-turut atau berselang hari. Daripada Abu Ayub Al-Ansari Radiallahuanhu. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa yang berpuasa ada bulan Ramadan, kemudian diikuti dengan Puasa Enam hari pada bulan Syawal, seolah-olah dia berpuasa sepanjang tahun". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Di penghujung Ramadan ini juga janganlah dilupakan kewajipan membaca Zakat Fitrah untuk diri sendiri dan juga untuk orang-orang yang berada di bawah tanggungan kita. Sesungguhnya mengeluarkan zakat itu adalah salah satu dari Rukun Islam yang lima yang wajib kita tunaikan. Mengeluarkan zakat

itu hukumnya wajib ke atas setiap orang Islam yang mencukupi syarat-syaratnya, sama ada Zakat Fitrah atau Zakat Harta. Ini jelas seperti mana dalam sebuah hadis daripada Ibnu Umar Radiallahuanha yang maksudnya : "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memfardukan Zakat Fitrah di bulan Ramadan atas setiap orang Muslim iaitu satu gantang kurma atau satu gantang gandum, sama ada merdeka atau hamba, laki-laki atau perempuan". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Alhamdulillah, di negara ini Zakat Fitrah boleh kita laksanakan melalui amil-amil yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan juga pada masa ini kemudahan bagi orang ramai untuk membayar zakat dapat dibuat secara online melalui BIBD QuickPay, TAIB, DST eZakat dan Imagine i-Zakat Fitrah. Oleh itu, tidak ada alasan untuk tidak dapat melaksanakan kewajipan membayar Zakat Fitrah ini.

Dengan berlalunya bulan Ramadan bukan bererti yang kita lakukan di bulan Ramadan ini turut berakhir dan berhenti. Semoga segala ibadah dan amal kebajikan yang kita lakukan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan semoga Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini akan dipenuhi dengan rasa kesyukuran, kegembiraan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingatimu. Dan bersyukurlah kepada-Ku (dengan taat mengerjakan suruhan-Ku) dan janganlah kamu mengingkari-Ku (dengan berbuat derhaka dan maksiat)". (Surah Al-Baqarah, ayat 152)

Produk kosmetik dicemari bahan terlarang



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan satu produk kosmetik yang mana hasil dari ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk tersebut dicemari dengan bahan-bahan terlarang yang tidak

diisytiharkan.

Produk kosmetik tercemar yang berkenaan adalah Ms Glow – Dark Spot Serum, di bawah pengilang Pt Kosmetika Global, Indonesia, yang dicemari dengan Hydroquinone dan Tretinoin.

Hydroquinone dan Tretinoin adalah bahan yang digunakan dalam ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi bagi merawat penyakit

PRODUK kosmetik tercemar yang berkenaan adalah Ms Glow – Dark Spot Serum, di bawah pengilang Pt Kosmetika Global, Indonesia, yang dicemari dengan Hydroquinone dan Tretinoin.

kulit dan ia dilarang sebagai bahan di dalam produk kosmetik penjagaan kulit di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007.

Penggunaan Hydroquinone tanpa pengawasan doktor boleh menyebabkan hipersensitiviti, perubahan warna kulit di bahagian kulit yang disapu menjadi biru-hitam atau gelap serta boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

Penggunaan Tretinoin yang tidak betul boleh menyebabkan kulit yang disapu menjadi kemerahan, mengelupas dan parut pada kulit.

Orang ramai yang telah menggunakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta merta. Jika mereka mengalami kesan sampingan dan berasa tidak sihat selepas menggunakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Penjualan produk tersebut (termasuk penjualan secara dalam talian (online) seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak

melebihi BND5,000, penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Kompians dan Perlesenan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan perhubungan lanjut, orang ramai

boleh menghubungi Bahagian Kompians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393301 sambungan 208; menghantar e-mel kepada pharmacy.enforcement@moh.gov.bn; berjumpa terus Pegawai Kompians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'; atau hubungi Talian Darussalam 123.



جائتین فرانتھن ایکونومی دان سٹاتیسٹیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JAKATAN BALI EKONOMI PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"



Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



Bulan Ramadhan mengajarkan kita...

- Sifat ketekunan dan ketelitian dalam beribadah
- Sifat kehambaan yang terpuji (tawaduk, khusyuk dan ikhlas)
- Menantikan waktu untuk beribadah (peka dengan waktu sahur dan waktu berbuka)


Oleh itu, marilah kita sama-sama:

- ✓ Berazam untuk meneruskan beramal ibadah di bulan-bulan lain
- ✓ Memperkemaskan ibadah yang wajib dan memperbanyakkan ibadah yang sunat
- ✓ Lakukan ibadah sunat dengan melakukan puasa enam di bulan Syawal
- ✓ Tidak lupa kewajiban membayar Zakat Fitrah

Zakat Fitrah

Zakat Fitrah boleh dilaksanakan melalui:

1. Amil-amil yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB)
2. Online: BIBD QUICKPAY, TAIB, DST E-ZAKAT dan IMAGINE I-ZAKAT FITRAH





**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
Business Enactment Act
Section 16 & 17,
Sijil Pendaftaran Kontraktor
Kementerian Pembangunan,
Sijil Pendaftaran Woksyop

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 008 / 2024

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi
Penyelenggaraan Kenderaan
Kerajaan Di Unit Mekanikal,
Jabatan Kerja Raya,
Kuala Belait Bagi 18 Bulan

No. Projek :
2024ADKB / B00405 / 003-002-001

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
9 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
23 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
KA01
(kod baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 005 / 2024

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Kesumbatan Paip Pembetung
Di Daerah Belait
Bagi Tempoh 3 Tahun

No. Projek :
2024ADKB / B00411 / 002-003-003

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
9 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
23 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 082 / 2023

Tajuk Tawaran:
Supply and Install Hitachi 66KV
GIS Cable Interface Parts
For Spare Feeder
At Mentiri Substation



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Tawaran Perkhidmatan
Bagi Sekolah Ugama
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun

Daerah Brunei dan Muara

No. Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 21 / 06

Nama Sekolah Ugama :
Sekolah Ugama Lambak,
Jalan Bedil,
Kawasan Brunei IIA

Bayaran :
BND10.00
(Bayaran tidak dikembalikan)

No. Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 19 / 06

Nama Sekolah Ugama :
Sekolah Ugama Sungai Besar,
Kawasan Brunei IIB

Bayaran :
BND10.00
(Bayaran tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Memuat Naik :
Selasa, 7 Syawal 1445H /
16 April 2024M

Tarikh Akhir Menghantar :
Rabu, 8 Syawal 1445H /
17 April 2024M
Sebelum Jam 2.00 Petang



Tarikh Tutup :
Selasa,
23 April 2024,
jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
'Tender Box'
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan Kelas :
3, 4 Atau 5

Kategori :
E03



Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan yang lanjut bolehlah
diperoleh dari **Unit Tawaran dan
Sebut harga, Tingkat 4, Ibu
Pejabat Jabatan Perkhidmatan
Elektrik, Jabatan Tenaga,
Jabatan Perdana Menteri.**



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Pemberitahuan Tawaran /
Sebut Harga

**1. Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :**

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPLK77 / 2023-2024

Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping)
Bagi Sekolah Ugama Perpindahan
Lambak Kanan Jalan 77,
Kawasan Brunei IIA

**2. Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :**

KHEU / JPI / JKS / PPPB / SULK /
2023-2024

Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping)
Bagi Sekolah Ugama Lambak
Kanan, Kawasan Brunei IIA

**TEMPOH 12 BULAN DI BAWAH
KAWALAN JABATAN
PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA
Tahun 1444H-1445H /
2023M-2024M**

Tarikh Tutup Menghantar Borang

Sebut Harga Adalah Pada :
Rabu, 15 Syawal 1445H /
24 April 2024M
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 001 / 2024

Tajuk Tawaran:
Supply and Delivery of Light
Duty Pick – Up Truck
For Department of Electrical
Services (RECALL)

Tarikh Tutup :
Selasa,
23 April 2024,
jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan Kelas :
ROCBN (Agen / Penjualan
Kenderaan Bermotor Baharu)



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 011 / 2024

Tajuk Tawaran:
Technical Maintenance of Power
Transformers Within the DES 66KV
Systems Over A Period
Of Five Years

Tarikh Tutup :
Selasa,
23 April 2024,





Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua

Kes No.
BCY / CP / 114 / 2006

Nama Penghutang – Dayang Dhorohana Binti Awang Ahmad (BYIC No. 00-253079) - **Alamat** - No.11, Spg. 52-22-18, STKRJ Tanah Jambu, Jln. Sedaman Barat, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 114 Tahun 2006. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 19%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** – 14 Mac 2024. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Nur Sariy Syahmina Binti Jaffri
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama

Kes No.
BCY / CP / 310 / 2013

Nama Penghutang – Mohammed Freddie Chong Abdullah (BYIC No. 00-026375) - **Alamat** - No.55, Simpang 477, Kg. Sungai Tilog, Jalan Muara BC3315, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 310 Tahun 2013. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 90%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** – 17 Januari 2024. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua

Kes No.
BCY / CP / 632 / 2010

Nama Penghutang – Muhamad Hasrudin Bin Karim (BYIC No. 00-284524) - **Alamat** - No.1105, Kampong Pangkalan Batu, Jalan Limau Manis, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 632 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 59%. **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** – 7 Disember 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat

Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Kes No
BCY / CP / 109 / 2018

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Abdul Ghani bin Haji Mohamed
(00-110723)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 24 Oktober 2020 telah dibatalkan pada 15 Februari 2024.

Nama Penghutang :
Abdul Ghani bin Haji Mohamed

Alamat Penghutang :
No. 99 A, Spg. 544-409,
Jln. Pulau Kubu, Kg. Jerudong,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
13 Mac 2024

Nurul Hidayah Binti Hamdan
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

Kes No
BCY / CP / 259 / 2020

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Mohammad Ibrahim bin Metusin
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 10 Disember 2020 telah dibatalkan pada 15 Februari 2024.

Nama Penghutang :
Mohammad Ibrahim bin Metusin

Alamat Penghutang :
No. G22, Jln. Pantai Atas Bukit,
Berakas
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
12 Mac 2024

Kes No
BCY / CP / 448 / 2015

Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Irwandy bin Puasa
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 7 Disember 2017 telah dibatalkan pada 25 Januari 2024.

Nama Penghutang :
Irwandy bin Puasa

Alamat Penghutang :
No. 15, Spg. 97,
Jln. Bukit Bintagur,
RPN Kg. Panchor Mengkubau
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
28 Februari 2024

Mohammad Marzuqi bin Sabtu
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

Kes No
BCY / CP / 216 / 2021

BIBD At-Tamwil Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Pg. Mohamad Yusreheen
bin Pg. Mohd. Ishak
(00-300573)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 19 Februari 2022 telah dibatalkan pada 13 Januari 2024.

Nama Penghutang :
Pg. Mohamad Yusreheen
bin Pg. Mohd. Ishak

Alamat Penghutang :
No. 88, Kampung Mulaut,
Jalan Sengkurong,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
27 Februari 2024

Kes No.
BCY / CP / 111 / 2003

Standard Chartered Bank
(formerly known as
SCF (B) Berhad)
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Haji Aidel bin Haji Zain
@ Haji Rozaini
(00-251588)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan Perintah Penerimaan Dan

Notis Pembatalan Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Bahawa Perintah Penerimaan dijatuhkan pada 25 Mac 2004 dan perintah Penghukuman dijatuhkan pada 03 September 2005 yang dibuat terhadap Penghutang telah



**Sebut harga Bagi
Perkhidmatan / Pembekalan:**
1 YEAR MAINTENANCE AND
SUPPORT SERVICE ON
METEOROLOGICAL MESSAGES
SWITCHING SYSTEM-GLOBAL
TELECOMMUNICAITON
SYSTEM (MMSS-GTS) FOR
BRUNEI DARUSSALAM
METEOROLOGICAL
DEPARTMENT, MINISTRY
OF TRANSPORT AND
INFOCOMMUNICATIONS

Sebut harga Bilangan:
JKBD / 2023 / SH-16

Tarikh Tutup :
Rabu, 17 April 2024



Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan Tawaran :
JBBSB / LTK / 2023-2024 / 09 /
UPA

Nama Tawaran :
Penyewaan Bangunan



Iklan Tarikh Lanjutan

Notis Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**
(01/24) KPN / DPK / PROC /
2024 / 2025
Sebut Harga Bagi
Menggantikan Dan Mengaktifkan
Dua (2) Unit ZP3
Addressable Ziton
Fire Alarm Control Panel
Di Kementerian Pembangunan

**Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen
Sebut Harga:**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

dibatalkan dan dilepaskan pada
20 Januari 2024

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Haji Aidel bin Haji Zain
@ Haji Rozaini
No. 25, Spg. 763,
Kg. Masin,
Jln. Limau Manis, BH2723



Sebelum jam 9.00 Pagi

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut harga
Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam
Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam
Blok B23, Flat Anggerek Desa
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa
Bandar Seri Begawan BB3713
Negara Brunei Darussalam



Pasar Terhad,
Jalan Teraja Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 9 April 2024,
Jam 12.00 Tengah Hari



Tarikh Buka:
Sabtu,
30 Mac 2024

**Tarikh Akhir Pembelian
dan Pembayaran:**
Selasa,
9 April 2024

Tarikh Tutup:
Isnin,
22 April 2024
Jam 9.00 Pagi

Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
27 Februari 2024

Fatin Fikriyah binti Haji Rosli
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

BRC anjur Projek Iftar Kasih Ramadan

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

Foto : Ihsan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERIBEGAWAN, Rabu, 3 April. - Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (BRC) menganjurkan Projek Iftar Kasih Ramadan Bersama Penghuni Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) yang diadakan di Bangunan KRK, Kampung Belimbing Subok, hari ini. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap

(Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Semasa majlis tersebut, Setiausaha Agung BRC, Ir. Simon K.A. Leong turut menyampaikan ucapan di mana beliau berkata bahawa penganjuran Projek Iftar Kasih Ramadan Bersama Penghuni KRK bertujuan untuk berkongsi kasih sayang dan mengimarahkan bulan Ramadan yang Mubarak sekali gus meraih keberkatan dengan bersungai bersama-sama penghuni KRK.

Setiausaha Agung BRC seterusnya berkata bahawa memeduli masyarakat yang kurang bernasib baik di negara ini menjadi satu keutamaan BRC sebagai sebuah badan kemanusiaan antarabangsa yang aktif menangani isu kemanusiaan.

"Adalah menjadi hasrat dan tumpuan kegiatan BRC untuk sama-sama membantu agensi-agensi kerajaan dan awam dalam menangani apa jua masalah yang berbangkit dan berhubung kait dengan isu kemanusiaan seperti memberikan dan menyediakan perkhidmatan bantuan sokongan seperti makanan asasi, keperluan sekolah dan lain-lain. Bantuan ini tidak hanya terhad kepada golongan sasaran malahan ia juga melibatkan pekerja migran di negara ini," jelas Setiausaha Agung BRC.

Beliau seterusnya mengatakan bahawa menerusi pelbagai inisiatif BRC bekerja erat dengan rakan strategik dan rakan korporat untuk penyaluran sumbangan berupa bantuan makanan, bantuan



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima plak kenangan daripada Setiausaha Agung BRC, Ir. Simon K.A. Leong.

persekolahan dan lain-lain mengikut keadaan dan keperluan semasa terutama apabila berdepan dengan kecemasan dan bencana.

Beliau juga menekankan bahawa BRC berperanan penting dalam memastikan keselamatan dan kemaslahatan awam terjamin pada setiap masa. "Pelbagai latihan disediakan pada peringkat belia dan komuniti terutama sekali dalam kaedah pertolongan cemas (*first aid*) dan pengurusan bencana alam menjadi sasaran kepada masyarakat umum di negara ini," jelas beliau.

Pada Majlis Projek Iftar Kasih Ramadan Bersama Penghuni KRK, BRC juga mengadakan penyampaian sumbangan

berupa barangan makanan asasi seharian kepada penghuni-penghuni KRK. Sumbangan tersebut diharapkan akan dapat sama-sama membawa kemeriahan dan keceriaan kepada penghuni KRK.

Dalam masa yang sama, Setiausaha Agung BRC turut menyampaikan satu plak kenangan kepada tetamu kehormat majlis yang kemudiannya disusuli dengan sesi bergambar ramai.

Turut hadir pada majlis ialah Presiden BRC, Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti POKSS Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yussof; Ahli Majlis Kebangsaan BRC, Ahli Lembaga Jemaah Tadbir BRC serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Menjaga sistem kewangan keutamaan BDCB

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 April. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mengambil perhatian mengenai rakaman baru-baru ini yang mendakwa pemindahan dana tanpa kebenaran daripada bank akaun seorang individu yang telah tular di pelbagai platform media sosial di negara ini.

BDCB sedang bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa dan pihak yang berkaitan dan akan bertindak sewajarnya untuk mengurangkan sebarang impak kepada pelanggan bank dan Sektor Kewangan secara menyeluruh.

Memastikan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan menjaga sistem kewangannya adalah keutamaan BDCB. Ini termasuk memberi keyakinan dan melindungi kepentingan orang ramai. Dalam memenuhi mandat tersebut, BDCB melaksanakan dasar-dasar dan langkah-langkah untuk mengukuhkan pengurusan risiko dan kawalan dalaman bank-bank dan institusi-institusi kewangan.

Dengan peningkatan penggunaan teknologi dalam Sektor Kewangan, BDCB menekankan kepentingan terhadap keperluan untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko-risiko yang berkaitan dengan teknologi. Ke arah ini, bank-bank dan institusi-institusi kewangan adalah dikehendaki untuk sentiasa mengukuhkan keselamatan sistem-sistem mereka.

BDCB tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mana-mana bank dan institusi kewangan yang melanggar undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh BDCB.

Dalam masa yang sama, BDCB memohon kerjasama orang ramai untuk menggunakan perbankan digital dengan penuh bertanggungjawab dan sentiasa memastikan keselamatan maklumat peribadi dan kewangan serta melindungi peranti pintar (*smart devices*) mereka.

Orang ramai boleh menghubungi Isu Pengguna Kewangan, BDCB menerusi talian +673 8380007 pada waktu pejabat atau e-mel fci@bdc.gov.bn jika aduan yang dihadapi kepada institusi kewangan tidak diselesaikan dengan sempurna, atau membuat laporan dengan Pasukan Polis Diraja Brunei sekiranya mereka telah menjadi mangsa aktiviti penipuan.

LAHIRKAN RASA PRIHATIN TERHADAP GOLONGAN MEMERLUKAN



Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 April. - Bersempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan dengan segala amal kebajikan serta sedekah dikurniakan ganjaran yang berlipat ganda oleh Allah Subhanahu Wata'ala, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi menyerahkan sumbangan derma kepada

seramai 35 orang anak yatim warga kementerian berkenaan.

Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim tersebut berlangsung di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan KHEU.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma berkenaan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma berkenaan (atas dan kiri).

Karim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Tahlil yang dipimpin oleh Pegawai Jabatan Pengajian Islam (JPI), Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat.

Manakala Doa Arwah dibacakan oleh Pegawai JPI, Awang Mohamad Azmi bin Awang Haji Jali.

Majlis diteruskan dengan

penyampaian derma kepada anak-anak yatim dan bantuan ihsan kepada para penerima.

Majlis penyampaian derma ini bertujuan untuk meringankan beban mereka yang memerlukan, di samping menanamkan nilai-nilai murni dalam kalangan warga kerja KHEU melalui kerja-kerja amal dan amalan bersedekah, serta melahirkan

warga kementerian yang sentiasa prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat.

Majlis ini turut diadakan bagi melahirkan rasa prihatin dalam membantu para penerima sebagai persiapan mereka bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang.

MPABD PRIHATIN BANTU MASYARAKAT MEMERLUKAN



KETUA Eksekutif Interim MPABD, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar menyerahkan sumbangan yang berlangsung di Dewan Seri Kerna, Ibu Pejabat MPABD (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, Donation Drive sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial MPABD dalam menyumbang kembali kepada masyarakat.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

MUARA, Rabu, 3 April. - Minggu terakhir Ramadan terus diisikan dengan pelbagai kegiatan keagamaan oleh pelbagai pihak di negara ini.

Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (MPABD) juga tidak ketinggalan untuk mengunyahkan acara tahunan Donation Drive sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial MPABD

dalam menyumbang kembali kepada masyarakat.

Bagi memuliakan lagi inisiatif ini, MPABD turut melancarkan program Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) yang dikenali sebagai MPABD Prihatin dengan tujuan untuk memberikan impak positif kepada masyarakat melalui perbuatan baik yang berterusan dan menyumbang kembali kepada masyarakat.

Semasa acara Donation Drive tersebut, 10 keluarga kurang berkemampuan telah menerima

sumbangan secara *in-kind* yang merangkumi barangan makanan, keperluan rumah tangga dan peralatan pembelajaran.

Hadir bagi menyerahkan sumbangan yang berlangsung di Dewan Seri Kerna, Ibu Pejabat MPABD adalah Ketua Eksekutif Interim MPABD, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar. Turut hadir bagi menyaksikan acara tersebut ialah Ketua Kampung Serasa, Awang Abdul Hamid bin Haji Zainin serta ahli-ahli pengurusan dan kakitangan MPABD.



Program MPABD Prihatin yang kurang berkemampuan ini mencerminkan inisiatif serta menggalakkan semangat berterusan MPABD untuk memberi di antara kakitangan menjangkau dan memberikan MPABD, terutama semasa bulan bantuan kepada masyarakat Ramadan yang mulia ini.

Pupuk amalan bersedekah, berbakti kepada masyarakat

GADONG, Rabu, 3 April. - Majlis penyerahan Duit Raya kepada anak-anak yatim dan infak untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza bersempena dengan Program Advokasi UNISSA Outreach Ramadhan Special 2.0, Infaq Made Easy, anjuran Kumpulan Al-Qudwah di bawah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah berlangsung petang tadi di Dewan Auditorium, universiti berkenaan di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal bagi menyerahkan duit raya bagi anak-anak yatim yang terdiri daripada 20 orang anak yatim dari Mukim Gadong 'B'.

Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pengerusi Kumpulan Al-Qudwah UNISSA, Awang Abdul Qawiyul Quddus bin Muhammad, juga selaku pengerusi majlis.

Program Infaq Made Easy

merupakan satu program advokasi untuk memperkenalkan program sedekah minimum 50 sen atau 1 ringgit sehari bermula daripada 24 Februari 2024 sehingga 24 Mac 2024 bersempena bulan Ramadan.

Program itu telah membukakan peluang kepada mahasiswa, mahasiswi dan juga warga UNISSA untuk menyumbang selama tempoh yang ditetapkan.

Elemen Matlamat Pembangunan Mampan 12 iaitu Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab (SDG 12) juga turut diaplikasikan di mana tabung persendirian telah dibuat oleh peserta program daripada barangan terpakai seperti botol, kotak atau kontena yang dihias khas untuk program ini.

Penyerahan tabung persendirian telah dibuat selama tiga hari iaitu 25 Mac 2024 sehingga 27 Mac 2024.

Program tersebut telah mengutip sumbangan sebanyak BND2,677.02 dan 50 peratus

hasil sumbangan telah diberikan kepada anak-anak yatim manakala 50 peratus hasil sumbangan akan disalurkan untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza.

Ia juga merupakan suatu inisiatif Kumpulan Al-Qudwah UNISSA untuk mengumpul dana dengan cara yang kreatif sebagai suatu usaha untuk menyalurkan sumbangan dan membantu rakyat Palestin di Gaza.

Matlamat utama program ini diadakan adalah untuk memupuk amalan bersedekah dan kebajikan di kalangan mahasiswa dan mahasiswi serta warga UNISSA sebagai persiapan menyambut bulan Ramadan serta menyebarkan kesedaran mengenai isu-isu kemanusiaan di Palestin.

Di samping itu, memupuk elemen proaktif dan kreatif kepada peserta program melalui aktiviti membuat tabung sambil melaksanakan khidmat masyarakat.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



PROGRAM Infaq Made Easy merupakan satu program advokasi untuk memperkenalkan program sedekah minimum 50 sen atau 1 ringgit sehari bermula daripada 24 Februari 2024 sehingga 24 Mac 2024 bersempena bulan Ramadan.

SYARIKAT PENGIKLANAN KENA KOMPAUN

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 April. - Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI) telah mengeluarkan kompaun kepada sebuah syarikat pengiklanan atas kesalahan di bawah Peraturan 12, Peraturan Kawalan Bangunan (Iklan, Papan Iklan dan Papan Tanda).

Syarikat Pengiklanan : Rosnah Yusof & Sons Services telah dikenakan kompaun berjumlah BND1,000 kerana memasang Iklan Billboard Banner bagi Pesta Rih Raya 2024 di lokasi yang tidak mengikut kebenaran yang dipohonkan iaitu di tepi Jalan Masuk, Jalan Budiman, berdepanan Jalan Perdana Menteri.

Syarikat tersebut dikehendaki untuk membuka Iklan / papan Iklan berkenaan dengan segera serta menjelaskan denda kompaun dalam tempoh 14 hari daripada tarikh tersebut.

ABCI ingin memperingatkan kepada orang ramai khususnya

syarikat-syarikat pengiklanan yang berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan untuk mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dan membuat pemasangan Iklan / Papan Iklan / Papan Tanda mengikut seperti yang dibenarkan oleh Autoriti.

Orang ramai adalah diperingatkan untuk sentiasa mematuhi sebarang akta dan peraturan-peraturan yang berjalan pada masa ini.

Sebarang maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang di www.abci.gov.bn.

SYARIKAT Pengiklanan : Rosnah Yusof & Sons Services dikenakan kompaun kerana memasang Iklan Billboard Banner bagi Pesta Rih Raya 2024 di lokasi yang tidak mengikut kebenaran yang dipohonkan.






KENALI
HIDUPAN LIAR
KITANI

Burung Kedidi Sawah / Kedidi Kayu / Wood Sandpiper

Sumber Foto : Haji Mursidi
Haji Abdul Ghani,
BWPC 2022, JPH

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

EDISI Kenali Hidupan Liar Kitani untuk bulan ini akan mengali lebih dalam tentang spesies burung berhijrah yang menarik umumnya kerap melawati ke Negara Brunei Darussalam.

Spesies burung yang akan dibincangkan pada edisi ini ialah Burung Kedidi Sawah / Kedidi Kayu atau Wood Sandpiper. Spesies ini adalah jenis burung pengicar air yang lumrah dijumpai di hutan-hutan dan di sungai-sungai Negara Brunei Darussalam. Burung Kedidi Sawah mempunyai tubuh yang kecil, sekitar 18-20 sentimeter, kaki dan sayap yang panjang dengan warna badan yang dominan kelabu-kelabu coklat serta berbelang putih pada sayapnya. Burung ini tergolong dalam genus *Tringa* dengan nama saintifiknya *Tringa Glareola*.

Habitat semula jadi Burung Kedidi Sawah adalah di hutan-hutan dataran rendah seperti sawah padi dan kawasan berair seperti paya, kolam, dan kawasan tanah lembap dan boleh juga ditemui di kawasan pantai yang berlumpur. Kebiasaannya mereka memakan serangga-serangga akuatik kecil di perairan cetek, cacing-cacing dan moluska.

Pada musim pembiakan, Burung Kedidi Sawah biasanya membina sarang mereka di atas tanah berlumpur di kawasan tanah lembap. Sarang mereka dibuat dari rumput dan daun-daun kecil. Pasangan burung ini akan bekerjasama untuk membina sarang serta menjaga keselamatan anak-anak mereka.

Burung Kedidi Sawah memainkan peranan penting dalam ekosistemnya iaitu sebagai pemangsa kepada serangga-serangga yang terdapat di kawasan tanah lembap dan kawasan berair, sekali gus membantu bagi mengawal populasi serangga dan

Kelas Spesies : *Birds*

Nama Tempatan :

Burung Kedidi Sawah / Kedidi Kayu

Nama Saintifik : *Tringa Glareola*

keseimbangan habitat semula jadi. Walaupun mereka berperanan penting dalam ekosistem, tidak terkecuali habitat Burung Kedidi Sawah ini sering juga diancam. Pembangunan atau pengubahsuaian kawasan tanah lembap untuk kepentingan manusia dan pencemaran alam sekitar adalah antara ancaman yang dihadapi oleh spesies burung ini.

Burung Kedidi Sawah tidak tersenarai dalam senarai apendiks Konvensyen Perdagangan Antarabangsa dalam Spesies-Spesies Liar Fauna dan Flora Terancam

Order : *Charadriiformes*

IUCN : *least concern* / kurang dikhuatiri

CITES : *Not listed* / Tiada dalam senarai

(CITES) manakala di dalam senarai Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN) burung ini mempunyai status kurang dikhuatiri.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry.borneo*. Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara hutan *kitani*.

MENGHAYATI KEBERKATAN RAMADAN



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Rabu, 3 April. - Pusat Da'wah Islamiyah (PDI) melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Kaunseling) bersama Pusat Reintegrasi, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Persatuan AFSA (Aftercare Support Association) telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bersama Rakan Seliaan bertempat di Dewan Serbaguna, PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Pulaie, hari ini.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pemangku Pegawai Ugama Kanan, PDI, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong dan Ketua Pemulihan dan Reintegrasi, Penguasa Penjara, Pengiran Roslinawati binti Pengiran Haji Omar.

Turut hadir ialah Pemangku Ketua Bahagian Penyebaran Da'wah, PDI, Pengiran Muhammad Fuad bin

Pengiran Haji Sulaiman dan Yang Dipertua Persatuan AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Mohd. Jaya.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah (Kaunseling), Awangku Mohd. Aziman bin Pengiran Haji Rakawi. Diikuti dengan penyampaian tazkirah pendek yang bertajuk, 'Kelebihan Membaca Al-Quran' oleh Penolong Ketua Bahagian Penyebaran Da'wah (Kaunseling), Haji Awang Badaruddin bin Haji Basar.

Antara inti pati tazkirahnya ialah antara kelebihan membaca Al-Quran ialah di akhirat kelak akan menjadi peneman bagi pembacanya, menjadi cahaya yang menyinari dalam kegelapan dan membaca Al-Quran dapat menenangkan jiwa serta Allah mengangkat martabat golongan

yang membaca Al-Quran.

Di samping itu juga setiap satu huruf membaca Al-Quran akan mendapat 10 ganjaran pahala dan membanyakkan doa meminta pengampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis juga diselenggarakan dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Ahli Rakan Seliaan dan diteruskan dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Ahli Rakan Seliaan. Kemudiannya penyampaian cenderahati kepada Rakan Seliaan.

Antara objektif aktiviti tahunan ini diadakan ialah untuk menggalakkan para Rakan Seliaan bagi sama-sama menyemarakkan bulan Ramadan yang penuh berkat di samping melipatgandakan pahala serta amal ibadah. Aktiviti ini juga bertujuan untuk mengajak para Rakan Seliaan bagi sama-sama menghayati bulan Ramadan



PEMANGKU Pegawai Ugama Kanan, PDI, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong dan Ketua Pemulihan dan Reintegrasi, Penguasa Penjara, Pengiran Roslinawati binti Pengiran Haji Omar hadir selaku tetamu khas pada Majlis Khatam Al-Quran bersama Rakan Seliaan dan menyampaikan cenderahati kepada para penerima (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan).



dengan melakukan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti membaca Al-Quran dan seterusnya Khatam Al-Quran.

Selain itu, aktiviti seumpama ini juga merupakan salah satu

syiar bagi menyampaikan dakwah di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara warga PDI, Pusat Reintegrasi, Persatuan AFSA dan para Rakan Seliaan.

Projek Amal Kasih agih 500 pek makanan



TUTONG, Rabu, 3 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Badan Pelajar Halalan Thayyiban Student Society (HTSS) dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) dengan kerjasama Faculty Agriculture Student Society (FASS) dari Fakulti Pertanian telah menjalankan Projek Amal Kasih di Kampus Sinaut, UNISSA, Tutong.

Projek ini merupakan medium untuk bersedekah bagi warga UNISSA di mana 500 pek makanan disediakan dan diagihkan ke

beberapa buah masjid di Daerah Tutong untuk jamuan iftar.

Turut sama hadir bagi memeriahkan projek ini adalah Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim, tenaga akademik, kakitangan dan pelajar UNISSA.

Tempoh menerima sumbangan telah pun berlangsung dari 18 Mac hingga 28 Mac yang mana penyumbang adalah terdiri dari warga UNISSA. Sebanyak 500 pek

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali melalui Badan Pelajar Halalan Thayyiban Student Society dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dengan kerjasama Faculty Agriculture Student Society (FASS) dari Fakulti Pertanian menjalankan Projek Amal Kasih (kiri dan kanan).

makanan telah pun disumbangkan kepada sembilan buah masjid di Daerah Tutong, baru-baru ini.

Masjid-masjid tersebut ialah Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong; Masjid Kampung Penanjong; Masjid Kampung Keriam; Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal; Masjid Haji Abdul Azim, Kampung Luagan Dudok; Masjid Kampung Sinaut; Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos; Masjid Kampung Birau dan Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kampung Kiudang.

Pek makanan tersebut telah pun dimasak dan disediakan oleh 55 para sukarelawan yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Projek ini juga merupakan usaha yang baik oleh badan pelajar dalam sama-sama menyokong usaha Universiti dan Negara



■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Brunei Darussalam terhadap Matlamat Pembangunan Mampan atau dikenali dengan Sustainable Development Goals (SDG) yang memfokuskan kepada SDG1 : No Poverty dan SDG2 : Zero Hunger.

Tambahan lagi, dengan adanya projek ini, ia menampakkan keprihatinan warga UNISSA supaya sentiasa menunjukkan sifat pemedulian yang tinggi terhadap mereka yang memerlukan serta meningkatkan lagi amal jariah.

Antara objektif program ini dilaksanakan adalah untuk mengutamakan amalan bersedekah sebagai amalan jariah terutama bulan suci Ramadan. Di samping dapat melahirkan sifat kepedulian yang tinggi terhadap keperluan orang lain dan juga meningkatkan lagi hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Para sukarelawan juga mampu mengukuhkan lagi semangat sifat nilai murni sesama manusia.

PRINT PLUS ANJUR MAJLIS KHATAM AL-QURAN



SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran yang dihadiri oleh lebih 65 orang pegawai dan kakitangan Syarikat Print Plus Sdn. Bhd. (atas, atas kanan dan bawah).

Oleh : Rohani Hj Abd. Hamid
Foto : Azmah Hj Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 April. - Memuliakan Al-Quran dengan membacanya menjadi tuntutan agama dalam meraih pahala dan keberkatan

darinya lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan ini.

Syarikat Print Plus Sdn. Bhd. tidak ketinggalan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran yang dihadiri oleh lebih 65 orang pegawai dan kakitangan syarikat tersebut. Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas.

Kemudian, majlis disusuli dengan bacaan Takhtim, Doa Khatam yang dibacakan oleh Pengiran Haji Abdul Hadi bin Pengiran Haji Zaini.

Majlis diserikan lagi dengan alunan bacaan Dikir Marhaban dan Doa Kesyukuran.

Majlis tersebut diharap dapat memupuk pembacaan Al-Quran di kalangan warga kerja selaras dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam untuk menjadi Negara Zikir, di samping menggalakkan penglibatan kakitangan dalam aktiviti keagamaan sebagai sebahagian daripada rutin harian mereka.

Turut hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Awang Haji Jeff Hadiman bin Dato Paduka Haji Daniah, Awang Kamal Ariffin bin Pehin Dato Haji Ahmad dan pegawai kanan dan kakitangan Syarikat Print Plus.





KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki
Wanita

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MEYELAMAT NYAWA

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppkk.gov.bn

Kebajikan golongan memerlukan terus dipeduli



Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Darussalam Arbitration Centre Bhd. Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 April. - Brunei Darussalam Arbitration Centre Bhd. (BDAC) hari ini telah mengadakan

Kempen Derma Ramadan. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha Corporate Social Responsibilities

(CSR) BDAC yang bertujuan untuk memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukannya dengan harapan bahawa ia akan dapat meringankan beban serta memupuk silaturahim, sebagaimana amalan-amalan yang digalakkan pada bulan Ramadan.

Pihak BDAC telah mengedarkan sumbangan, yang merangkumi barang-barang makanan asas seperti beras, minyak masak, makanan-makanan tin dan sebagainya kepada beberapa keluarga di Brunei Darussalam.

Sumbangan derma berkenaan diberikan oleh ahli-ahli, lembaga-lembaga pengarah, pihak pengurusan, pegawai-pegawai dan kakitangan BDAC.

Usaha ini adalah selaras dengan perniagaan teras BDAC yang telah ditubuhkan untuk memberikan mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian serta memelihara hubungan baik antara pihak-pihak tersebut.



PIHAK BDAC mengedarkan sumbangan, yang merangkumi barang-barang makanan asas seperti beras, minyak masak, makanan-makanan tin dan sebagainya (atas dan atas kiri).

PROGRAM SANTUNAN KASIH RINGKANKAN BEBAN GOLONGAN MEMERLUKAN



PENYERAHAN sumbangan disempurnakan oleh Yang Dipertua PSWNBD, Hajah Dayang Hassanah binti Haji Awang Hassan; dan Penasihat I PSWNBD, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 April. - Kira-kira 111 orang anak yatim dan ketua keluarga dari golongan yang memerlukan dari sekitar Kampung Panchor Mungkubau, Mentiri menerima sumbangan derma pada Program Santunan Kasih : Bingkisan Ramadhan anjuran Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSWNBD).

Acara tahunan yang diungkayahkan PSWNBD setiap bulan Ramadhan itu diadakan di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), di sini petang tadi.

Penyerahan sumbangan

disempurnakan oleh Yang Dipertua PSWNBD, Hajah Dayang Hassanah binti Haji Awang Hassan; dan Penasihat I PSWNBD, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin.

Terdahulu, PSWNBD dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Surau LTAB menganjurkan sesi tazkirah pada minggu ketiga Ramadhan, bertajuk 'Healing melalui Ilmu, Iman, dan Amal'.

Tazkirah disampaikan oleh Profesor Madya, Pusat Pengajian Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Muhammad Yusuf

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

Khalid.

Tazkirah itu antara lain menggalakkan pemahaman yang mendalam mengenai pentingnya ilmu, iman dan amal dalam proses penyembuhan diri serta masyarakat. Semasa majlis ini juga, para hadirin berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti amal dan menyumbangkan bantuan ke arah usaha pembangunan bagi rakyat Palestin di Gaza.

Sumbangan boleh disalurkan melalui tabung derma yang disediakan semasa majlis tersebut.

Semua kutipan melalui tabung itu akan diserahkan kepada Sekretariat Tabung Kemanusiaan Palestin, JAPEM, pada 18 April 2024.

Acara diakhiri dengan Majlis Berbuka Puasa bersama Anak-anak Yatim dan Keluarga Berkeperluan serta ahli-ahli jemaah surau yang hadir.

Antara Objektif acara tersebut adalah untuk memberikan platform bagi berinteraksi dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman yang bermanfaat dalam konteks kehidupan beragama, selain mengajak para peserta untuk terlibat dalam amalan-amalan kebajikan serta sumbangan derma sebagai bentuk pemedulian terhadap umat Islam yang memerlukan bantuan, khususnya di Gaza.

Majlis berkenaan diharap akan menceriakan lagi suasana

keindahan bulan Ramadhan dan menjadi sumber keberkatan yang berterusan.

Diriwayatkan oleh at-Tabarani dan disahkan oleh Al-Albani, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Maksudnya : "Tiada satu kaum berzikir kepada Allah di dalam satu majlis hingga mereka berdiri, melainkan malaikat berkata : "Berdirilah kalian, sesungguhnya Allah telah mengampuni dosa-dosa kalian, dan mengganti keburukan-keburukan kalian dengan kebaikan-kebaikan".



ANTARA yang hadir mendengarkan tazkirah yang disampaikan oleh Profesor Madya, Pusat Pengajian Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Muhammad Yusuf Khalid (atas sekali dan atas).

Perkukuh semangat perpaduan sesama masyarakat



Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Ihsan Muiz M

JERUDONG, Rabu, 3 April. - Penganjuran Majlis Berbuka Puasa berkonsepkan percampuran kaum bersama masyarakat bukan Islam perlu digalakkan dan diperbanyakan dalam usaha memupuk perpaduan. Ia sekali gus mampu menjadi satu bentuk pendekatan dakwah dalam mendekatkan bukan Islam kepada Islam.

Menurut Pengarah Urusan Concepts Computer, Vincent Pao yang sudah mempraktikkan 20 tahun program memberikan persungkaan atau berbuka puasa sememangnya mengakui teruja

setiap kali kedatangan Ramadhan kerana tidak mahu melepaskan peluang untuk sama-sama merasakan kemeriahan Ramadhan dengan menganjurkan Majlis Berbuka Puasa atau bersungkal.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Hotel Star Lodge pada Majlis Berbuka Puasa yang beliau anjurkan pada setiap tahun kepada para kakitangan Concepts Computer serta keluarga dan para sahabat bagi sama-sama memberikan rasa syukur dan hormat beliau kepada mereka semua dan dengan mengadakan perkara demikian akan menarik hati dan mendatangkan perasaan sayang.

Ungkapnya lagi rakan-rakan Muslim dan keluarga juga turut memberi sokongan dan semangat buatnya untuk terus menganjurkan aktiviti seumpamanya kerana ia bukan hanya sekadar memberikan makan dan memeriahkan bulan Ramadhan di negara ini, bahkan dalam masa yang sama dan lebih penting lagi ia memperlihatkan kita bahawa di bulan Ramadhan bukan hanya untuk melihat kaum Islam mengerjakan ibadah puasa.

"Tetapi ia juga memberikan peluang kepada kita yang bukan beragama Islam ini untuk sama-sama bersedekah dan memberi kepada rakan-rakan dan juga para kakitangan untuk berkongsi

keindahan Ramadhan tersebut dan dalam masa yang sama juga ianya mampu mengeratkan lagi tali persahabatan yang erat sesama bangsa tidak mengira bangsa Melayu atau tidak," ujarnya.

Tambah Vincent Pao lagi, Program berbuka malam ini juga adalah satu peluang mereka bertemu sesama mereka dan secara tidak langsung dapat menerangkan apa itu puasa serta pengalaman saat mengerjakan ibadah berpuasa kepada yang berlainan agama dan bangsa.

"Pada pendapat saya secara peribadi Ramadhan memupuk semangat kemasyarakatan dan

MAJLIS Berbuka Puasa berkonsepkan percampuran kaum bersama masyarakat bukan Islam dianjurkan oleh Concepts Computer yang berlangsung di Hotel Star Lodge.

solidariti dalam kalangan umat Islam, apabila mereka berkumpul untuk berbuka puasa dan berdoa bersama dan dalam masa yang sama orang bukan Islam boleh mempelajari kepentingan membina komuniti yang menyokong dan memupuk hubungan dengan orang lain, tanpa mengira perbezaan agama atau budaya.

"Pemahaman peribadi saya, Ramadhan mengajar pelajaran berharga tentang disiplin diri, empati, kesyukuran, kerohanian, dan kemasyarakatan, yang relevan dan bermanfaat untuk diterima oleh semua orang dari semua latar belakang dan ini juga kerana kami juga mempunyai beberapa ahli keluarga dan saudara mara yang beragama Islam.

"Jadi, apa yang dibuat ini (Majlis Berbuka pelbagai kaum) adalah satu usaha yang bagus," katanya kepada penulis Pelita Brunei selepas menganjurkan Majlis Berbuka Puasa Bersama para kakitangan dan sahabat Islam di Star Lodge Hotel di sini malam tadi.

INFO Teknologi



Awas! Penipuan dalam talian kian canggih, guna AI

Pendahuluan

PENIPUAN dalam talian bukanlah kejadian yang baharu akan tetapi dengan adanya Kecerdasan Buatan (AI), penipuan dalam talian semakin canggih dan membingungkan. Oleh itu sebagai pengguna internet, kita harus kekal berwaspada, peka dan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan agar tidak menjadi mangsa apa-apa jenis penipuan dalam talian.

Dengan teknologi AI, scammer semakin kreatif dalam melaksanakan kegiatan penipuan dalam talian sehingga boleh mengklon suara atau memanipulasi video menggunakan gambar seseorang yang boleh dihidupkan untuk bercakap, membuatkan video tersebut realistik.

Jenis-jenis penipuan dalam talian menggunakan AI

Antara taktik terbaharu yang digunakan scammer atau penipu dalam talian ialah pengklonan suara dan penggunaan teknologi *deepfake*. Dengan teknologi AI, si penipu boleh mengklon suara dengan ketepatan yang luar biasa. Dengan ini, si penipu boleh menyamar sebagai seseorang yang dikenali mangsa, seperti ahli keluarga atau rakan sekerja, untuk meminta maklumat sensitif untuk memulakan penipuan seperti pemindahan wang atau transaksi perbankan dalam talian. Dengan teknologi *deepfake*, si penipu akan menggunakan algoritma AI untuk mencipta video atau rakaman audio yang realistik tetapi palsu.

Sebagai contoh, si penipu boleh menggunakan gambar seorang yang dikenali dan kemudian menggunakan teknologi *deepfake* untuk memanipulasi gambar tersebut untuk bercakap menggunakan suara yang juga boleh diklon. Ini kemudian akan direkod sebagai video dan disebarkan atau dikongsikan dengan mangsa. Dalam erti kata lain, si penipu boleh menggunakan teknologi *deepfake* untuk menyamar sebagai tokoh awam atau individu yang dikenali

mangsa. Dengan menggunakan teknologi ini si penipu boleh sahaja menyebarkan maklumat palsu atau memanipulasi kandungan yang disampaikan melalui video palsu untuk menipu atau memeras ugut mangsa agar mangsa mengkongsikan maklumat-maklumat yang diperlukan si penipu.

Video-video ataupun kandungan media sosial yang dicipta menggunakan teknologi AI atau *deepfake* juga boleh disalahgunakan untuk tujuan jenayah dalam talian yang lain seperti menyebarkan berita palsu. Di sini, teknologi AI boleh digunakan untuk menjana dan menyebarkan berita palsu atau kempen disinformasi dan mengeksploitasi kelemahan dalam algoritma media sosial untuk mengelirukan kandungan yang mengelirukan yang juga boleh memecahbelahkan dan menyebabkan terganggunya ketenteraman awam. Bahaya kempen seperti ini juga ialah, ia boleh mempengaruhi pendapat umum dan menyemai perbalahan. Ia juga boleh disalahgunakan untuk menjatuhkan maruah seseorang atau sesebuah organisasi dan sebagainya.

Selain itu, penipu dalam talian juga boleh menyalahgunakan teknologi AI untuk mempelajari tabiat-tabiat dan tingkah laku pengguna dalam talian dan kemudian menjana e-mel pancingan data yang diperibadikan atau mesej yang disesuaikan untuk individu tertentu berdasarkan tingkah laku dalam talian mereka, aktiviti media sosial atau interaksi sebelumnya. Percubaan pancingan data yang canggih ini menjadikannya lebih mencabar bagi pengguna untuk membezakan antara komunikasi yang sah dan penipuan. Penipu dalam talian juga boleh menggunakan algoritma AI untuk menganalisis data kewangan dan arah aliran pasaran, menampilkan diri mereka sebagai pakar yang menawarkan nasihat pelaburan atau strategi perdagangan. Pada hakikatnya, nasihat yang ditawarkan adalah penipuan yang direka untuk memanipulasi mangsa untuk melabur ke skim-

skim kewangan palsu.

Langkah berjaga-jaga untuk melindungi diri dari penipuan online menggunakan AI

Melindungi diri daripada penipuan yang menggunakan teknologi AI akan memerlukan gabungan kesedaran, kewaspadaan dan langkah berjaga-jaga yang lebih teliti. Antara beberapa langkah yang boleh anda ambil ialah untuk kekal maklum dan mengikuti perkembangan terkini mengenai penipuan dalam talian yang membabitkan penggunaan teknologi AI dengan mengikuti sumber berita keselamatan siber yang bereputasi dan sentiasa mendapat maklumat tentang taktik-taktik terkini yang digunakan oleh penipu. Pengguna juga perlu berhati-hati apabila berinteraksi dengan kandungan yang dijana AI, seperti chatbots atau mesej suara. Sahkan identiti pengirim maklumat melalui cara-cara tambahan, seperti menghubungi individu atau organisasi si pengirim maklumat secara terus melalui saluran yang dipercayai.

Berfikiran kritis dan ragu-ragu

terhadap kandungan media sosial yang dilihat atau yang dibaca juga boleh melindungi kita sebagai pengguna. Apabila kita menemui kandungan atau komunikasi yang dijana AI, jangan mudah percaya atau terpedaya dengan mesej yang disampaikan. Praktikkan cara pemikiran skeptikal dan kritis untuk memastikan kesahihan dan juga tujuan mesej yang disampaikan. Gunakan pengesahan berbilang faktor ataupun *multifactor authentication* (MFA) untuk menambah lapisan keselamatan tambahan pada akaun dalam talian untuk menjadikannya lebih sukar bagi penipu untuk mendapatkan akses tanpa kebenaran. Selain itu, adalah disarankan untuk pengguna memakai saluran komunikasi selamat seperti menggunakan aplikasi pemesejan atau perkhidmatan e-mel yang disulitkan ataupun *encrypted* untuk melindungi maklumat peribadi dan data sensitif daripada pemintasan atau manipulasi.

Berwaspada terhadap percubaan pancingan data yang memanfaatkan kandungan yang dijana AI untuk menyamar sebagai individu atau organisasi yang dipercayai. Sahkan kebenaran

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

mesej yang dikongsikan dan elakkan daripada mengklik pautan atau memuat turun lampiran daripada sumber yang tidak diketahui. Gunakan perisian antivirus dan *anti-malware* yang dipercayai untuk mengesan dan menghalang perisian perosak, termasuk perisian perosak yang dicipta menggunakan AI, daripada menjangkiti peranti. Pastikan sistem pengendalian, aplikasi dan perisian keselamatan sentiasa dikemas kini.

Sebagai pengguna Internet adalah penting untuk kita mendidik diri kita tentang teknologi AI serta potensi-potensi penggunaannya berkenaan dengan keselamatan siber. Dengan adanya ilmu akan lebih mudah untuk kita menyiapkan diri dan melindungi diri dari ancaman-ancaman penyalahgunaan teknologi AI. Kita juga memainkan peranan dan perlu melaksanakan tanggungjawab sebagai pengguna. Apabila kita menemui aktiviti atau kandungan mencurigakan kita perlu melaporkannya kepada pihak berkuasa yang berkenaan atau agensi penguatkuasaan undang-undang tempatan.





Berbelanja, sambut Aidilfitri secara berhemah

Rencana dan Foto : Ak. Jeffery Pg. Durahman

KEMERIAHAN 1 Syawal bakal menjengah kita tidak lama sahaja lagi. Ada sebahagian daripada kita sudah mula membuat persiapan dengan membeli kelengkapan perayaan seperti baju baharu dan aneka kuih-muih untuk disajikan kepada para tetamu yang datang berkunjung. Namun, dalam kerianan kita menyambut 1 Syawal, janganlah sampai kita terlalu melakukan pembaziran. Bersederhanalah dalam melakukan perbelanjaan. Bukankah itu yang diajarkan dalam Islam?

Makna persiapan Aidilfitri

'Aidilfitri' membawa maksud 'Besar' atau 'Utama'. Oleh sebab itu, Hari Raya Aidilfitri merujuk kepada hari yang besar atau hari yang utama. Walau bagaimanapun, ia telah disalah tafsir oleh sebilangan besar masyarakat pengguna dengan melakukan perbelanjaan yang besar dan berlebihan semata-mata untuk meraikan hari lebaran yang mulia ini. Secara umumnya, kebanyakan masyarakat kita di negara ini memang gemar untuk berbelanja berlebihan terutama pada musim

perayaan. Menjelang musim perayaan, kita sangat sinonim dengan ungkapan seperti "Apa salahnya berbelanja lebih, raya kan sebulan dan hanya setahun sekali".

Ramai dalam kalangan masyarakat kita sanggup berbelanja lebih daripada kemampuan mereka semata-mata untuk memenuhi tuntutan emosi dan nafsu. Pengguna juga sering terperangkap dengan pelbagai taktik iklan jualan murah sempena musim perayaan. Malah ada dalam kalangan pengguna yang menggunakan kesempatan ini untuk berlumba-lumba dengan rakan dan jiran bagi mempamerkan koleksi terbaharu raya mereka. Fenomena ini bukanlah sesuatu yang baik dan harus diamalkan saban tahun terutama sekali dalam situasi ekonomi semasa yang menyaksikan peningkatan kos sara hidup.

Ramai yang sanggup membuat hutang baru semata-mata ingin memenuhi selera dan nafsu untuk menyambut hari raya. Kebanyakan masyarakat lebih mengutamakan perbelanjaan semasa tanpa melihat keperluan dan kepentingan untuk perbelanjaan masa hadapan terutama selepas musim perayaan.

Islam menyarankan bijak berbelanja

Umat Islam disaran bersederhana dalam membuat persiapan Sambutan Hari Raya Aidilfitri selain lebih bijak dan berhemah ketika berbelanja. Aidilfitri tahun ini sangat dinantikan, boleh berbelanja lebih untuk keluarga tetapi kena ada perancangan dalam berbelanja supaya tidak berlebihan. Kita perlu berbelanja secara berhemah, elak pembaziran dan menyediakan simpanan wang untuk kecemasan.

Walaupun kita disunatkan berhias dan bersederhana pada Hari Raya, tetapi ini bukan bermakna kita boleh berbelanja mengikut kehendak hawa nafsu dengan berlebih-lebihan dan melampaui batas kemampuan diri sendiri. Sambutan Aidilfitri adalah satu tanda bahawa kita telah berjaya menunaikan ibadah puasa dan ibadah lainnya di bulan Ramadan dengan cara yang sederhana di samping menghayati kesusahan golongan Islam lain yang kurang berkemampuan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam :

"Perhatikanlah orang yang berada di bawahmu dan jangan kamu memperhatikan orang yang berada di atasmu, kerana yang demikian itu lebih layak agar kamu semua

tidak menganggap mudah nikmat Allah yang telah dikurniakan kepadamu." (HR Bukhari dan Muslim)

Bersederhana dalam berbelanja

Dengan kelembapan ekonomi semasa dan peningkatan kos sara hidup, mengamalkan kesederhanaan dalam membuat persiapan menyambut Syawal adalah amat disarankan. Berbelanjalah dengan bijak kerana dalam keceriaan menyambut perayaan ketika ini perlu ada rasa berhemah. Bersamalah kita meraikan Aidilfitri pada tahun ini dengan rasa penuh kesyukuran dan dalam masa yang sama juga bersederhana serta elakkan pembaziran.

Oleh itu, bersederhanalah dalam melakukan perbelanjaan menjelang Aidilfitri ini. Janganlah kita sesekali terikut-ikut nafsu serakah kita dalam melakukan perbelanjaan. Namun harus diingatkan, keterujaan kita itu mungkin akan menjadi satu hal yang membebaskan dan merugikan diri sendiri pada masa akan datang.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala :

"Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya." (QS Al - Israk: 27)





SABAH TERUSKAN OPERASI PEMBENIHAN AWAN JIKA KEMARAU BERLANJUTAN

KOTA KINABALU, 4 April. - Kerajaan Sabah akan meneruskan operasi pembenihan awan (OPA) sekiranya cuaca panas dan kemarau berpanjangan, kata Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor.

Beliau berkata OPA akan dilakukan dari semasa ke semasa sehingga ia boleh membantu mengurangkan bebanan bekalan air di beberapa kawasan di negeri

itu.

"Ia (OPA) bergantung kepada jenis awan kerana tidak semua awan boleh hasilkan hujan dan ini terpulang kepada mereka yang pakar," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan kuih-muih Hari Raya kepada anggota keselamatan dan petugas kesihatan di Menara Kinabalu di sini hari ini.

Beliau berkata demikian diminta mengulas mengenai sama ada Sabah akan meneruskan operasi

pembenihan awan seperti dilaksanakan di beberapa daerah sebelum ini.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis berkenaan, Hajiji berkata OPA yang dilaksanakan penghujung bulan lepas menghasilkan kesan positif dalam usaha dan iktir kerajaan negeri untuk menghadapi bencana kemarau.

Pada 28 Mac lepas, operasi pembenihan awan telah dijalankan selama tiga hari di tiga daerah terjejas kemarau di Sabah iaitu Papar, Lahad Datu dan Tawau bagi mendapatkan sumber air mencukupi di kawasan tadahan hujan susulan cuaca panas.

Sementara itu Hajiji berkata kerajaan Sabah menghargai jasa pasukan keselamatan yang

sentiasa berkorban masa, jiwa dan raga demi memelihara keselamatan negara bagi memastikan negara aman dan tenteram sekali gus membolehkan rakyat hidup dalam keadaan selamat, sejahtera, rukun serta damai.

Dengan keamanan dinikmati, bukan sahaja rakyat bahkan kerajaan Sabah juga dapat beroperasi dengan lancar dalam usaha membangunkan negeri terutama untuk menjayakan Pelan Pembangunan Hala Tuju Sabah Maju Jaya, katanya.

Justeru, Ketua Menteri berkata majlis penyerahan kuih-muih sempena Aidilfitri kepada pasukan keselamatan dan petugas kesihatan itu dianjurkan setiap tahun sebagai ingatan terhadap pengorbanan besar anggota

barisan hadapan termasuk di perbatasan demi menjaga keamanan dan ketenteraman sepanjang musim perayaan.

Tahun ini, Hajiji berkata sebanyak 15 pasukan keselamatan dan petugas kesihatan menerima sumbangan kuih-muih, termasuk dua penerima baharu iaitu Jabatan Imigresen Sabah dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah.

Sebanyak 33 agensi kerajaan terdiri daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi negeri serta Persekutuan, syarikat berkaitan kerajaan, Badan Berkanun dan badan bukan kerajaan terlibat dalam pembungkusan dan penyerahan kuih muih itu, katanya.

- ©BERNAMA

Feri terbakar di pulau peranginan Koh Tao, Thailand

SURAT THANI (Thailand), 4 April. - Sebuah feri yang membawa 108 penumpang termasuk 11 kru yang dalam pelayaran ke pusat peranginan Koh Tao dari jeti di wilayah Surat Thani terbakar pada Khamis.

Feri yang turut membawa kereta, motosikal dan barangan pengguna berlayar dari wilayah selatan Thailand pada 11 malam, lapor Agensi Berita Thailand (TNA).

Kebakaran bermula di bilik enjin dan dengan cepat merebak ke seluruh bahagian feri. Ketika kejadian, feri itu berada kira-kira 4.82 km dari pantai Koh Tao.

Pihak berkuasa dan pengendali kapal persendirian itu berjaya memindahkan semua penumpang dan kru dengan selamat.

Terdapat beberapa penumpang terhidu asap dan dibawa ke hospital berhampiran untuk rawatan.

Siasatan sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca kebakaran. - ©BERNAMA

Tiga maut nahas helikopter di Switzerland

VIENNA, 3 April. - Tiga maut dalam nahas helikopter di Switzerland pada Selasa, menurut polis.

Polis berkata helikopter itu yang membawa enam orang, terhempas di tapak pendaratan gunung untuk bermain ski pada Selasa, lapor agensi berita Jerman (dpa). Selain juruterbang, seorang malim gunung dan empat pelanggannya turut menaiki helikopter B3.

Dua daripada mangsa yang cedera dilaporkan berjaya menerima rawatan segera sebelum diterbangkan ke sebuah klinik. "Orang ketiga juga diselamatkan kemudian," tambah polis.

Kemalangan itu berlaku di gunung Petit Combin, yang mempunyai ketinggian 3,600 meter. Lembaga Penyiasatan Keselamatan Pengangkutan Switzerland telah melancarkan siasatan untuk menentukan punca kemalangan itu. - ©BERNAMA

CMG anjur pameran seni, galak pertukaran budaya China-Perancis

BEIJING, 3 April. - Peminat seni di Paris bakal berpeluang menghayati karya-karya unggul ciptaan artis tersohor China menerusi pameran anjuran Kumpulan Media China (CMG). Bertemakan "Dari Beijing ke Paris - Jerayawara Olimpik Artis China dan Perancis" pameran berkenaan dijadual berlangsung di Les Invalides pada Mei dengan menghimpunkan lebih 200 karya seni.

Aktiviti itu diatur sempena Sukan Olimpik Musim Panas 2024 Paris berdasarkan persepakatan yang dicapai pemimpin China dan Perancis. CMG bersama Jawatankuasa Sukan Nasional dan Olimpik Perancis (CNOSF), Liga Bola Sepak Profesional Perancis dan beberapa institusi kesenian tempatan mengeluarkan jemputan kepada lebih 100 orang artis kontemporari China.

Tahun 2024 menandakan ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik dan juga Tahun Kebudayaan dan Pelancongan China-Perancis. CMG akan turut melancarkan siri aktiviti media membabitkan Beijing dan Paris untuk menyemarakkan semangat Olimpik, sekali gus menyuntik kedinamikan baharu kepada pertukaran dan saling belajar sesama tamadun. - ©BERNAMA

Prabowo mahu tingkatkan persahabatan, kerjasama Indonesia-China

JAKARTA, 3 April. - Menteri Pertahanan Indonesia Prabowo Subianto menzahirkan harapan untuk meningkatkan hubungan persahabatan dan kerjasama di antara Indonesia dan China.

Perkara itu disampaikan presiden terpilih di Pemilihan Presiden 2024 semasa kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri China Li Qiang, di Beijing, pada Selasa.

"Kami melihat hubungan yang saling melengkapi antara China dan Indonesia adalah realiti yang sangat kami syukuri, atas persahabatan dan kepercayaan kepada kami," kata Prabowo dalam

satu kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Pertahanan republik itu.

Sementara itu, Li menilai hubungan antara kedua negara telah berkembang pesat dan membuka lembaran baharu dalam membina komuniti untuk masa depan bersama.

Beliau berkata kedatangan Prabowo menunjukkan persahabatan kukuh antara China dan Indonesia, serta bertekad bekerjasama menjaga rasa saling percaya dan mengeratkan kerjasama holistik yang menguntungkan serta bermanfaat.

Menurut kenyataan itu, China sedia mengukuhkan komunikasi dan kerjasama dengan Indonesia secara multilateral seperti melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan mekanisme kerjasama Asia Timur demi menjaga kepentingan negara-negara berkembang dengan lebih baik.

Prabowo tiba di Beijing pada Ahad sempena lawatan luar negara pertama selepas diumumkan sebagai presiden terpilih pada 20 Mac, atas undangan Presiden Xi Jinping dan pertemuan mereka telah berlangsung pada Isnin. - ©BERNAMA

Xi, Biden adakan perbualan telefon

BEIJING, 3 April. - Presiden China Xi Jinping mengadakan perbualan menerusi telefon dengan rakan sejawatnya dari Amerika Syarikat (AS), Joe Biden pada Selasa.

Xi berkata isu persepsi strategik sentiasa bersifat dasar bagi hubungan China-AS. Sebagai dua kuasa besar, China dan AS tidak boleh memutuskan pergaulan atau berkonflik dan berkonfrontasi.

Dua negara perlu saling menghormati, hidup bersama secara damai dan menjalankan kerjasama saling untung. Hubungan bilateral harus terus melangkah ke hadapan mengikut jalan yang stabil, sihat dan mampan.

Beliau turut memberi penekanan tentang beberapa prinsip utama bagi hubungan China-AS pada tahun ini, iaitu menjunjung

kedamaian, mengutamakan kestabilan dan mengekalkan kebolehpercayaan.

Menyentuh mengenai rentetan tindakan AS untuk menyekat pembangunan perdagangan dan teknologi China, Xi menyifatkan amalan seumpama itu bakal mencetuskan risiko.

Menurut beliau pintu China adalah sentiasa terbuka sekiranya AS sedia menjalankan kerjasama saling untung. Sebaliknya, China tidak akan duduk berdiam diri jika AS berdegil mahu menyekat pembangunan teknologi tinggi dan mencabuli hak pembangunan China. Sementara itu, Biden berkata hubungan AS-China merupakan hubungan bilateral paling penting di dunia.

Beliau mengulangi bahawa AS tidak ingin mencetuskan

"Perang Dingin baharu" dan tiada niat untuk mengubah sistem China atau menentang China menerusi pengukuhan hubungan sekutu. AS juga tidak menyokong "kemerdekaan Taiwan" dan tidak mahu berkonflik dengan China.

Kata beliau pembangunan China bermanfaat kepada dunia. AS tidak menyasar mengekang pembangunan China atau "mencantas hubungan" dengan negara Tembok Besar.

AS akan mengatur lawatan Setiausaha Perbendaharaan Janet Yellen dan Setiausaha Negara Antony Blinken ke China dalam masa terdekat bagi memperkasa komunikasi dan kerjasama, sekali gus memantapkan perkembangan hubungan dua hala dan bersamasama menangan cabaran global. - ©BERNAMA

Gunung Merapi meletus enam kali

JAKARTA, 4 April. - Gunung Merapi yang terletak di sempadan wilayah Jawa Tengah dan Yogyakarta meletus enam kali pada Khamis dengan memuntahkan lahar sehingga 1.5 kilometer.

Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi Bencana Geologi (BPPTKG) menggesa penduduk berhampiran supaya sentiasa berwaspada dan menasihati mereka tidak melakukan sebarang aktiviti dalam zon bahaya.

Menurut Ketua BPPTKG Yogyakarta, Agus Budi Santoso unjuran abu gunung berapi semasa letusan boleh menjangkau sehingga tiga kilometer dari puncak.

"Aliran lahar dan piroklastik menimbulkan ancaman kepada kawasan barat daya dalam lingkungan lima hingga tujuh kilometer dan tenggara dalam lingkungan tiga hingga lima kilometer," katanya dalam satu kenyataan.

Pemerhatian yang dijalankan oleh BPPTKG Yogyakarta dari tengah malam hingga 6 pagi waktu tempatan menunjukkan aliran lahar bergerak ke arah barat daya.

Pusat itu mengekalkan status Gunung Merapi pada Tahap III atau Amaran, menunjukkan risiko berterusan dari gunung berapi berkenaan.

Merapi juga dikenali sebagai "Gunung Api" mempunyai ketinggian 2,891 meter. - ©BERNAMA

EMPAT MENTERI HADIR DI MAHKAMAH BERI KETERANGAN PERTIKAIAN PEMILIHAN UMUM



JAKARTA, 5 April. - Empat menteri Kabinet Indonesia hadir di Mahkamah Konstitusi pada Jumaat bagi memberi keterangan dalam perbicaraan kes Pertikaian Hasil Pemilihan Umum (PHPU) Presiden dan Naib Presiden 2024.

Empat menteri berkenaan adalah Menteri Kewangan Sri Mulyani Indrawati, Menteri Koordinator Pembangunan Manusia dan Kebudayaan Muhadjir Effendy, Menteri Koordinator Bidang Ekonomi Airlangga Hartarto dan Menteri Sosial Tri Rismaharini.

"Agenda persidangan mahkamah pagi ini adalah untuk mendengar keterangan daripada empat kementerian tadi. Masing-masing

dipersilakan memberi keterangan lebih kurang 20-25 minit sebelum para hakim bertanyakan soalan," kata Ketua Mahkamah Konstitusi Hakim Suhartoyo.

Perbicaraan kes PHPU bermula 27 Mac dan mahkamah dijangka membacakan keputusan pada 22 April. Di awal perbicaraan, dua pasangan calon yang kalah dan barisan peguam masing-masing di hadapan panel hakim mendakwa proses pemilihan, yang dimenangi Prabowo Subianto dan Gibran Rakabuming Raka, dicemari pelanggaran dan penipuan.

Mahkamah diminta membatalkan keputusan, mengarahkan pengundian dijalankan semula dan langkah diambil untuk mencegah

penyalahgunaan sumber negara dan bantuan sosial bagi memihak kepada mana-mana calon.

Pasukan undang-undang Prabowo-Gibran menolak semua dakwaan yang dianggap tidak berasas kerana berdasarkan andaian serta kekurangan bukti. Prabowo-Gibran memperolehi 58.6 peratus atau 96,214,691 undi daripada 164,227,475 undi di Pemilihan Presiden dan Naib Presiden.

Pada 28 Mac, pasangan calon presiden dan naib presiden yang kalah, Anies Baswedan-Muhaimin Iskandar dan Ganjar Pranowo-Mahfud MD memohon agar mahkamah memanggil beberapa menteri.

Hakim Suhartoyo dan tujuh lagi hakim yang mendengar perbicaraan menolak permohonan

itu pada Isnin, namun mesyuarat panel hakim pada Selasa memutuskan para menteri perlu

hadir untuk memberi keterangan. - ©BERNAMA

Taufan Gamane : Madagascar isytihar bencana negara

MOSCOW, 5 April. - Kerajaan Madagascar mengisytiharkan bencana negara berikutan kerosakan akibat taufan tropika Gamane, yang membadaai pulau itu pada akhir Mac, lapor Sputnik.

"Terdapat semua keadaan untuk mengisytiharkan keadaan bencana negara dan kerajaan telah memutuskan untuk berbuat demikian," menurut kenyataan kerajaan dipetik oleh saluran berita Madagascar 2424.

Jumlah penduduk yang terjejas akibat angin puting beliung itu mencecah 90,000 orang manakala infrastruktur awam rosak teruk, lapor media.

Rejim bencana negara berkenaan akan membolehkan negara itu meminta masyarakat antarabangsa untuk menyertai usaha menangani kesan selepas Siklon Gamane, tambah saluran berita itu.

Akhir Mac lepas, Siklon Gamane melanda negara pulau

itu, membawa angin kencang dan hujan lebat ke kawasan utara dan timur negara berkenaan. Sehingga 1 April, sekurang-kurangnya 18 orang terbunuh dan empat masih hilang, tiga cedera dan lebih 24,000 orang dipindahkan akibat bencana itu, kata Pejabat Kebangsaan Pengurusan Risiko dan Bencana. Kebanyakan mangsa taufan itu dilaporkan lemas atau dihanyutkan arus deras di perairan berkenaan. -

©BERNAMA

Setiausaha Perbendaharaan AS Yellen tiba di China

GUANGZHOU, 5 April. - Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat (AS) Janet Yellen memulakan lawatan ke China yang dijangka berlangsung selama beberapa hari, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pesawat yang membawa Yellen mendarat di pusat industri selatan China, Guangzhou pada tengah hari Khamis, lapor stesen televisyen Kerajaan China. Yellen berkata beliau mahu bertemu dengan wakil daripada syarikat AS dan Kerajaan China.

"Semasa berada di China, saya akan menumpukan kepada hubungan ekonomi yang sihat dan

menyediakan persaingan adil untuk firma dan pekerja Amerika," katanya dalam hantaran di laman X (Twitter) sebelum ketibaannya.

Satu pertemuan dengan Perdana Menteri Li Qiang dijadualkan pada Ahad di Beijing. Jabatan diterajui Yellen bertanggungjawab untuk dasar kewangan dan ekonomi. Lawatan beliau adalah susulan daripada perbualan telefon hampir dua jam antara Presiden AS Joe Biden dan Ketua Negara dan Kerajaan China, Xi Jinping yang digambarkan oleh Washington sebagai "terbuka dan membina."

Pemimpin kedua-dua

ekonomi terbesar dunia itu juga membincangkan persaingan ekonomi antara mereka. Biden dikatakan telah menyuarakan kebimbangannya mengenai dasar perdagangan China yang didakwa tidak adil dan pentadbirannya akan terus mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan teknologi terkini daripada digunakan untuk menjejaskan keselamatan AS.

Xi pula dalam panggilan telefon itu mendakwa langkah diambil AS telah mengekang pembangunan China dalam perdagangan dan teknologi. - ©BERNAMA

US\$30 juta lesap, rompak wang tunai terbesar di Los Angeles

LOS ANGELES, 5 April. - Polis dan Biro Siasatan Persekutuan (FBI) sedang menyiasat kecurian sebanyak US\$30 juta dari kemudahan penyimpanan wang di Los Angeles, bandar kedua terbesar di Amerika Syarikat, lapor media tempatan pada Khamis.

Xinhua memetik sumber penguatkuasaan undang-undang yang memaklumkan kepada stesen televisyen KABC tempatan bahawa kecurian itu berlaku di sebuah fasiliti GardaWorld di Sylmar, sebuah kawasan pinggir bandar di Lembah San Fernando, pada Ahad.

Pencuri memecah masuk ke kemudahan itu tanpa dikesan - tanpa mematikan penggera - akses

melalui bumbung dan berjaya masuk ke kawasan penyimpanan wang, yang mungkin merupakan bilik kebal, menurut laporan itu, memetik pegawai yang diberi taklimat mengenai siasatan. Syarikat yang memiliki bangunan itu tidak menyedari kecurian besar-besaran itu sehingga pagi Isnin.

Sumber penguatkuasaan undang-undang dipetik sebagai berkata oleh akhbar tempatan utama, Los Angeles Times bahawa kes pecah masuk itu adalah antara kecurian terbesar dalam sejarah bandar Los Angeles berkaitan wang tunai dan jumlahnya melepasi mana-mana rompakan kenderaan perisai di bandar itu.

Kecurian itu berlaku pada malam Ahad di pusat kemudahan yang mengendalikan dan menyimpan wang tunai perniagaan dari seluruh wilayah itu, menurut laporan berkenaan sambil menambah bahawa pecah masuk itu digambarkan sebagai rumit dan mengesyaki kru pencuri berpengalaman yang tahu bagaimana untuk mendapatkan akses ke kemudahan berkenaan dengan selamat tanpa disedari.

Rompakan tunai terbesar sebelum ini di Los Angeles adalah pada 12 Sept 1997 sebanyak US\$18.9 juta dari bekas tapak kemudahan berperisai di bandar itu, menurut laporan akhbar berkenaan. - ©BERNAMA

Dialog ASEAN-Korea Selatan alu-alukan cadangan Perkongsian Strategik

JAKARTA, 5 April. - Dialog ASEAN-Korea Selatan ke-28 menyambut baik cadangan Korea Selatan supaya hubungan itu ditingkatkan kepada Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN-Korea Selatan (CSP).

Pegawai kanan yang ditemui pada dialog itu yang diadakan di Seoul pada Khamis percaya cadangan berkenaan akan mencerminkan kekuatan dan skop perkongsian itu

Kedua-dua pihak juga menyambut Ulang Tahun ke-35 Hubungan Dialog ASEAN-Korea Selatan tahun ini, menurut Sekretariat ASEAN dalam satu kenyataan.

Pegawai kanan menekankan keperluan menambah baik kerjasama merentas sektor seperti perdagangan dan pelaburan menerusi kawasan perdagangan bebas, inovasi digital, keselamatan siber, tenaga bersih dan pembangunan mampan.

Bidang lain yang menjadi tumpuan termasuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pendidikan, pengurusan bencana, alam sekitar dan perubahan iklim, bandar pintar, kesalinghubungan, kebudayaan, pertukaran rakyat ke rakyat dan pembinaan kapasiti.

Mesyuarat itu juga mengetengahkan kepentingan Pandangan ASEAN Mengenai Indo-Pasifik (AOIP) sebagai rangka kerja panduan untuk kerjasama serantau yang lebih meluas.

Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk meningkatkan kerjasama praktikal dalam bidang keutamaan di bawah AOIP seperti kerjasama maritim, kesalinghubungan dan matlamat pembangunan mampan seiring dengan Kenyataan Bersama Kerjasama AOIP yang diterima pakai pada Sidang Kemuncak ASEAN-Korea Selatan ke-24, tahun lepas. - ©BERNAMA

Op Khas Pagar Laut rekod nilai tangkapan hampir RM5.5 juta sehingga semalam - Maritim Malaysia

PUTRAJAYA, 5 April. - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) telah merekodkan 104 kes tangkapan dengan nilai tangkapan hampir RM5.5 juta sehingga semalam, sejak Op Khas Pagar Laut 1/2024 mula dilaksanakan pada 18 Mac lepas.

Ketua Pengarah Laksamana Maritim Datuk Hamid Mohd Amin berkata Maritim Malaysia melalui operasi itu, telah bertindak mengawal dan melindungi negara daripada pelbagai ancaman jenayah di perairan seluruh negara.

Beliau berkata barangan kawalan bersubsidi seperti beras, minyak masak akan cuba diseludup keluar untuk jualan di negara jiran kerana permintaan tinggi, malah penyeludupan masuk barangan kontraband seperti rokok serta kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI), turut berkemungkinan berlaku menjelang Hari Raya Aidilfitri.

"Di sebalik kegembiraan rakyat Malaysia meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri, pasukan keselamatan seperti Maritim Malaysia telah mengetepikan keutamaan diri dan keluarga demi menabur bakti serta keringat kepada negara, dengan menjaga keselamatan Zon Maritim Malaysia," katanya di dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kenyataan itu sempena pelancaran Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA) Maritim Malaysia yang bertajuk Ikhlas di saluran media sosial rasmi agensi itu.

Berdurasi 2:23 minit, video PSA berkenaan memaparkan pengorbanan yang dicurahkan oleh penguat kuasa Maritim Malaysia, dalam mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara khususnya rakyat Malaysia sempena menyambut kedatangan lebaran yang bakal diraikan pada minggu hadapan.

Hamid berkata keamanan dan keselamatan negara perlu disyukuri oleh setiap rakyat Malaysia kerana di sebalik apa yang dikecapi kini, merupakan dari sebuah pengorbanan ikhlas pasukan keselamatan yang menjaga kesejahteraan dan kedaulatan negara.

Beliau berkata keselamatan perairan menjadi keutamaan, kerana Malaysia merupakan sebuah negara maritim yang terletak di Asia Tenggara dengan beberapa kawasan perairannya menjadi tumpuan kegiatan perikanan dan perdagangan, yang boleh membuka ruang untuk pihak tidak bertanggungjawab melakukan aktiviti pelanggaran undang-undang khususnya jenayah rentas sempadan. - ©BERNAMA

Gabenor Wilayah Murmansk, Rusia kritikal ditikam

MOSCOW, 5 April. - Gabenor Wilayah Murmansk, Rusia, Andrei Chibis dalam keadaan kritikal akibat ditikam dan sedang menjalani pembedahan di unit rawatan rapi, kata ketua doktor Hospital Apatity-Kirov, Yuri Shiryaz, pada Jumaat.

Chibis, 45, ditikam di bahagian perut selepas mengadakan pertemuan di bandar Apatity pada petang Khamis. Penyerang dikenali sebagai Alexander Bydanov, ditahan oleh pegawai keselamatan sejurus selepas insiden itu, lapor Xinhua. Siasatan sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca dan motif sebenar kejadian. - ©BERNAMA



PERLAWANAN PERSAHABATAN 20 APRIL NANTI



Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TELANAI, Rabu, 3 April. - Pasukan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam, DPMM FC akan berentap menentang Pasukan Republik Rakyat China, Guangxi Pingguo Haliao Guojing Football Team dalam Perlawanan Persahabatan Bola Sepak Peringkat Antarabangsa (International Friendly Match Football) yang akan diadakan pada 20 April 2024, jam 8.00 malam bertempat Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Perkara itu dinyatakan oleh Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bin Pengiran Damit

selaku Pengerusi Perlawanan berkenaan pada Sidang Media yang berlangsung di Rumah Kediaman, Lim Han Chiong, hari ini.

Sehubungan itu, tiket-tiket berharga BND8 bagi tempat duduk terbuka dan BND15 di tempat duduk premium akan mula dijual pada Khamis, 4 April 2024 di Syarikat TGT Sendirian Berhad, BMC Sdn. Bhd., T.S.M Sdn. Bhd., BWN, kesemua cawangan Biocare Aquarium and Landscaping Co., dan Aewon.

Bagi setiap pembelian tiket berkenaan berhak mengikuti cabutan bertuah yang menawarkan hadiah yang menarik iaitu sebuah kereta Jolian sebagai Hadiah Utama, lima buah televisyen Pensonic 65" 4K Smart

LED, tiga buah peti sejuk Pensonic Inverter 435L dan dua buah penulen air Cornell RO.

Perlawanan tersebut menjadikan perlawanan pertama DPMM FC di bawah bimbingan Ketua Jurulatih Baharu, Rui Batista. Skuad baharu DPMM FC menampilkan Saifuddin, Faturrahman, Nazry Aiman, Abdul Hariz termasuk dua pemain skuad akademi, Safwan Azwan dan

PENGIRAN Haji Salleh Ab. Rahaman bin Pengiran Damit selaku Pengerusi Perlawanan hadir pada Sidang Media mengenai Perlawanan Persahabatan Bola Sepak Peringkat Antarabangsa tersebut.

Danish Firdaus.

Sementara itu, Guangxi Pingguo berada pada peringkat kedua Liga China dan menduduki tempat keempat dalam liga musim lalu. Skuad berkenaan adalah antara kegemaran yang dinaikkan ke Liga Perdana China musim akan datang dan dianggap sebagai pasukan penting dalam Liga Perdana China.

Dengan adanya perlawanan persahabatan peringkat antarabangsa ini akan menjadi sebagai persiapan pramusim yang baik untuk menghampiri Liga Perdana Singapura yang akan bermula pada bulan Mei ini.

Juga hadir pada Sidang Media tersebut, Lim Han Chiong juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur perlawanan berkenaan.

Ranking Harimau Malaya jatuh enam anak tangga

KUALA LUMPUR, 4 April. - Seperti diduga, *ranking* skuad Harimau Malaya jatuh enam anak tangga untuk menduduki tempat ke-138 dunia, berdasarkan kemas kini terbaharu Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA), hari ini.

Perkembangan terbaharu itu dikongsikan menerusi kenyataan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), sekali gus menyaksikan skuad kendalian Kim Pan Gon mengumpul keseluruhan 1,094.54 mata menurun daripada posisi ke-132 dunia, yang dihuni sejak 15 Feb.

Kejatuhan *ranking* skuad negara itu disebabkan mereka kehilangan 15.63 mata susulan dua kekalahan kepada Oman pada saingan Kumpulan D pusingan kedua Kelayakan Piala Dunia 2026/ Piala Asia 2027, berlangsung di Muscat dan Stadium Nasional Bukit Jalil (SNBJ) masing-masing pada 22 dan 26

Mac.

Skuad negara tewas dengan jaringan 0-2 pada kedua-dua perlawanan tersebut.

Keputusan itu menyaksikan Malaysia kekal di kedudukan ketiga Kumpulan D dengan mengumpul enam mata, manakala Kyrgyzstan yang mengatasi Taiwan 5-1 kekal di posisi teratas selepas mengumpul sembilan mata diikuti Oman kedua yang turut mengumpul sembilan mata, sementara Taiwan tercorot tanpa sebarang mata.

Selepas ini, anak buah Pan Gon akan bertemu Kyrgyzstan di Bishkek pada 6 Jun dan menamatkan saingan kumpulan D menentang Taiwan di SNBJ pada 11 Jun.

Kemas kini itu juga turut menjejaskan *ranking* Malaysia yang kini muncul selaku pasukan ke-24 terbaik Asia, selepas dipintas Indonesia (ke-23). - © BERNAMA

Kylian Mbappe bantu PSG ke final Piala Perancis

LONDON, 4 April. - Gol tunggal Kylian Mbappe membawa Paris Saint-Germain ke final Piala Perancis selepas menewaskan Rennes 1-0 pada Rabu.

Penyerang berusia 25 tahun itu turut terlepas peluang menambah jaringan selepas sepakan penaltinya diselamatkan penjaga gol Steve

Mandanda dalam aksi separuh akhir di Parc des Princes, lapor PA Media.

Jaringan Mbappe memastikan PSG bakal berdepan Lyon dalam aksi final pada 25 Mei di Stade Pierre-Mauroy dan peluang untuk memenangi piala itu buat kali pertama sejak 2021.

- ©BERNAMA

Tahukah Awda

PRODUK-produk kosmetik di Negara Brunei Darussalam dikawal di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007, yang diselaras dengan ASEAN Cosmetic Directive (ACD). Pihak Berkuasa Kawalan Ubat Negara Brunei Darussalam adalah pihak berkuasa dalam melaksanakan peraturan di Negara Brunei Darussalam. Semua pengimport produk kosmetik mesti menghantar Borang Notifikasi kepada Unit Kosmetik, Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan bagi setiap produk kosmetik sebelum ia diimport / dipasarkan.

SUMBER : moh.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERBELANJALAH DENGAN BIJAK DALAM MENYAMBUT AIDILFITRI